

**KONSERVASI KOLEKSI: PENGURUSAN  
PENJAGAAN KOLEKSI BAGI PAMERAN DI  
MUZIUM DIRAJA (ISTANA BATU) KELANTAN.**

**YUSNIATI ASYKIN BINTI YUSRI**

IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN

**2022**

**KONSERVASI KOLEKSI: PENGURUSAN  
PENJAGAAN KOLEKSI BAGI PAMERAN DI  
MUZIUM DIRAJA (ISTANA BATU) KELANTAN.**

**Oleh**

**YUSNIATI ASYKIN BINTI YUSRI**

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

*Yusniati*

---

(Tanda tangan pelajar)

Tarikh: 18/02/2022

(Tanda tangan penyelia)

Nama:  
Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada atas illahi dengan limpah rahmat serta hikmah masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan tugas projek tahun akhir ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Puan Nur Athmar binti Hashim atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh beliau selaku penyelia saya banyak membantu kepada kejayaan kajian ini. Saya amat menghargai kesabaran Puan Nur Athmar binti Hashim yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi serta cepat dalam memberikan tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang kajian ini dilakukan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Yusri bin Musa dan Puan Halyati binti Berahim yang memberikan saya pemudah cara untuk menyiapkan kajian ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehingga saya berjaya menghabiskan tugas ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan seperjuangan yang banyak memberikan peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa. Mereka banyak membantu saya dengan menjawab setiap pertanyaan ataupun persoalan yang saya utarakan kepada mereka. Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menjayakan kajian ini. Sekian sahaja daripada saya, Terima Kasih.

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

<b>PERAKUAN TESIS .....</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN .....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>vi</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>vii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>viii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1    Pengenalan.....	1
1.1.1    Pengenalan Kajian.....	3
1.2    Kajian Terdahulu.....	4
1.3    Latar Belakang Kajian .....	7
1.4    Objektif Kajian.....	7
1.5    Persoalan Kajian.....	7
1.6    Permasalahan Kajian.....	8
1.7    Lokasi Kajian.....	10
1.8    Kepentingan Kajian.....	11
1.9    Skop Kajian.....	11
1.10    Struktur Tesis.....	12
1.11    Rumusan Bab .....	16

**BAB 2 KONSERVASI KOLEKSI DI MUZIUM ..... 17**

2.1	Pengenalan .....	17
2.2	Muzium .....	18
2.3	Fungsi Muzium .....	19
2.4	Pengurusan Artifak .....	20
2.5	Prosedur Penjagaan Koleksi .....	24
2.6	Pemeliharaan Koleksi .....	25
2.8	Rumusan Bab .....	26

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN ..... 28**

3.1	Pengenalan .....	28
3.2	Metodologi Kajian .....	29
3.3	Sumber primer .....	32
	3.3.1 Survei .....	32
	3.3.2 Kaedah Pemerhatian .....	33
	3.3.3 Kaedah Temubual .....	33
	3.3.4 Kaedah Soal Selidik .....	34
	3.3.5 Kaedah Catatan .....	35
3.4	Sumber sekunder .....	36
	3.4.1 kaedah perpustakaan .....	37
	3.4.2 Kaedah Internet .....	38
3.5	prosedur dapatan kajian .....	39

3.6	analisis demografi .....	40
3.7	Rumusan Bab .....	45
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN .....</b>		<b>46</b>
4.0	Pengenalan.....	46
4.1	Dapatan Kajian .....	47
4.1.1	Mengenal pasti prosedur pengurusan koleksi di muzium Diraja Kelantan .....	48
4.1.2	Mengenal pasti kerosakan koleksi pameran di muzium Diraja Kelantan .....	51
4.1.2.1	Faktor Kerosakan Alam Semula Jadi.....	52
4.1.2.2	Faktor Kerosakan Kecuaian Manusia .....	55
4.1.2.3	Faktor Kerosakan Serangan Haiwan dan Serangga Perosak.....	58
4.1.3	Menganalisis kaedah yang digunakan untuk memelihara Koleksi pameran di muzium diraja kelantan.....	60
4.4	Rumusan bab .....	70

<b>BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>69</b>
5.0 Pengenalan .....	69
5.1 Rumusan keseluruhan kajian .....	70
5.2 Cadangan .....	71
5.2.1 Mengadakan khusus kepada pegawai muzium.....	71
5.2.2 Mencadangkan kepada pengkaji akan datang .....	72
5.2.3 Mencadangkan menyediakan bilik konservasi .....	73
5.3 Penutup .....	74
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>75</b>
<b>CARTA GANNT .....</b>	<b>80</b>

	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Koleksi Bilik Senjata .....	9
Rajah 1.2	Peta Lokasi Kajian .....	10
Rajah 3.1	Carta Metodologi Kajian .....	29
Rajah 3.2	Objektif Kajian dan Kaedah Kajian .....	30
Rajah 3.3	Survei yang dibuat di Muzium Istana Batu Kelantan.....	32
Rajah 3.4	Rekod catatan pengkaji sepanjang kajian lapangan .....	35
Rajah 3.5	kerangka prosedur dapatan kajian .....	38
Rajah 3.6	Encik Sabki Penyelia Muzium .....	39
Rajah 3.7	Encik Khairul Pegawai Bertugas Muzium .....	40
Rajah 3.8	Muhammad Hasrul Bin Mohd Rafi.....	41
Rajah 3.9	Puan Farrah Atikah binti Saari.....	42
Rajah 4.1	kerosakan akibat pertumbuhan kulapuk.....	51

Rajah 4.2	pengaratan pada koleksi .....	51
Rajah 4.3	warna pada koleksi pudar .....	52
Rajah 4.4	kesan keretakan pada koleksi.....	53
Rajah 4.5	kesan tompokan air.....	54
Rajah 4.6	kesan pecah atau sumbing.....	55
Rajah 4.7	najis haiwan pada koleksi.....	56
Rajah 4.8	serangan haiwan dan serangga perosak .....	57
Rajah 4.9	Pameran Koleksi Terbuka Bahan Organik dan Bukan Organik..	62
Rajah 4.10	Koleksi Pameran Taksidermi.....	64
Rajah 4.11	Koleksi Pameran Secara Terbuka.....	65
Rajah 4.12	Koleksi yang Terdedah dengan Pencahayaan.....	66
Rajah 4.13	Penghawa Dingin di Bilik Koleksi Cenderamata.....	67

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## KONSERVASI KOLEKSI: PENGURUSAN PENJAGAAN KOLEKSI BAGI PAMERAN DI MUZIUM DIRAJA (ISTANA BATU).

### ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai kaedah pengurusan penjagaan koleksi bagi pameran di Muzium Diraja Kelantan. Penjagaan dan pengurusan terhadap koleksi haruslah sentiasa diberikan penekanan supaya setiap koleksi dapat dipelihara dan diberi penambahbaikan sehingga dapat dijadikan sebagai tatapan kepada generasi yang akan datang. Muzium merupakan cerminan kepada masyarakat untuk memahami dan belajar apa yang telah berlaku pada zaman terdahulu. Oleh itu, pemeliharaan sesuatu institusi yang berkaitan dengan budaya warisan di sesuatu tempat perlu dilakukan dengan betul supaya ianya dapat dilihat hingga ke generasi yang akan datang. Berdasarkan bukti pemerhatian, temu bual, dan kajian terdahulu yang dilakukan, tesis ini akan menjelaskan mengenai bidang konservasi koleksi dalam pengurusan penjagaan yang betul untuk memelihara koleksi bagi pameran yang terdapat di Muzium Diraja Kelantan.

**Kata kunci:** pengurusan, penjagaan, memelihara, kerosakan, koleksi, Muzium

## **COLLECTION CONSERVATION: COLLECTION CARE MANAGEMENT FOR EXHIBITION AT THE ROYAL MUSEUM (ISTANA BATU).**

### **ABSTRACT**

This research discusses the collection management methods for the exhibition at the Royal Kelantan Museum. The management of the collection should always be given emphasis so that each collection can be preserved and given improvements so that it can be used as a gaze to future generations. The museum is a reflection to the community to understand and learn what has happened in the past. Therefore, the preservation of an institution related to heritage culture in a place must be done properly so that it can be seen to future generations. Based on the evidence of observations, interviews, and previous studies conducted, this thesis will explain about the field of collection conservation in the management of proper care to preserve the collection for the exhibition available at the Royal Museum of Kelantan.

Keywords: management, safeguarding, preserve, damage, collection, Museum.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.5 Pengenalan

Berdasarkan kajian dalam peringkat ijazah sarjana muda ini, tajuk yang difokuskan ialah konservasi koleksi iaitu merujuk kepada konservasi terhadap pengurusan penjagaan terhadap sesuatu koleksi di sesebuah muzium. Kajian ini melibatkan artifak atau koleksi yang terdapat di Muzium Istana Batu Kelantan. Selain itu, kajian ini akan mengklasifikasikan bagaimana sesebuah artifak atau koleksi itu dijaga bagi memanjangkan jangka hayat bagi barang artifak tersebut. Seterusnya kajian ini juga akan mengenal pasti kerosakan pada koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan. Oleh itu, hasil daripada kajian ini dapat memberi sedikit sebanyak sumbangan dalam bidang penyelidikan mengenai kaedah pengurusan penjagaan sesuatu artifak di muzium terutama dalam koleksi yang dipamerkan. Pada bab pertama ini, pengkaji telah membentangkan beberapa subtopik yang berkaitan iaitu kajian terdahulu, latar belakang, objektif, persoalan, permasalahan kajian, lokasi kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.

##### 1.5.1 Pengenalan kajian

Dalam bidang konservasi ini terdapat pelbagai kaedah untuk menjaga jangka hayat sesuatu artifak. Bagi konservasi koleksi ini, pengurusan penjagaan artifak atau koleksi adalah salah satu kaedah dalam memelihara barang yang mempunyai nilai warisan atau sejarah yang tersendiri bagi menjaga kualiti sesuatu artifak. Pengurusan artifak atau koleksi penting dalam sesebuah muzium kerana dengan penyusunan serta penyimpanan artifak mengikut klasifikasi yang betul. Ia

memudahkan kerja sekaligus dapat menjaga jangka hayat sesuatu artifak dengan baik.

Muzium merujuk kepada bangunan tempat menyimpan khazanah sejarah purba atau yang berkaitan dengan sejarah lampau. Muzium penting sebagai tempat kita merujuk sekiranya kita ingin mengetahui tentang sejarah lampau. Muzium juga berfungsi sebagai tempat untuk masyarakat mengetahui tentang peninggalan sejarah dahulu yang telah menjadi titik perkembangan masyarakat terdahulu. Di samping itu, muzium mempunyai kaedah tersendiri bagaimana untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat dan berpandukan kepada dasar-dasar yang ditetapkan selari dengan misi, objektif dan fungsi sebuah muzium. Koleksi juga banyak memberikan input yang penting kerana ia menjadi sebuah identiti dan populariti kepada pengurusan muzium. Sesebuah organisasi muzium itu banyak bergantung kepada kepentingan koleksi yang dimilikinya dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk memanfaatkan kepada umum seperti teknik pameran yang digunakan, pemasaran dan penerbitan yang sesuai bagi meningkatkan penyampaian sesebuah muzium. Negeri Kelantan mempunyai beberapa muzium antaranya Muzium Istana Jahar, Muzium Islam, Muzium Perang, Muzium Wau dan Muzium Diraja (Istana Batu).

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan terhadap kaedah dan teknik pemuziuman yang digunakan di Muzium Diraja atau lebih dikenali sebagai Istana Batu merupakan salah sebuah muzium yang terletak di Jalan Tengku Puteri Kota Bharu, Kelantan. Muzium ini fungsi untuk mengumpul, memelihara dan memperkenalkan koleksi serta memaparkan koleksi daripada milik Diraja Sultan Kelantan. Pada asalnya ini merupakan istana yang dikurniakan kepada Sultan

Yahya Petra dan Raja Perempuan Zainab II sebagai hadiah sebuah perkahwinan. Muzium Diraja dibina pada tahun 1939 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Ismail Ibni almarhum Sultan Muhammad Ke-IV. Keseluruhan reka bentuk istana ini diilhamkan sendiri oleh Sultan Ismail. Istana Batu telah menempa banyak sejarah seperti tempat perkahwinan kerabat-kerabat Diraja tempat kediaman bagi raja-raja kerabat-kerabat dan tetamu-tetamu Al-Sultan Kelantan semasa berkunjung ke negeri Kelantan. Muzium Diraja Kelantan ini sangat penting kepada masyarakat untuk mengetahui tentang perkembangan dalam institusi Diraja dan adat istiadat yang ada di Negeri Kelantan pada masa dahulu rujukan?. Muzium ini juga mempunyai fungsi tersendiri untuk menyampaikan info kepada golongan masyarakat dengan memelihara dan mengadakan pameran sejarah mengenai sosial budaya istana di negeri Kelantan. Antara pameran koleksi yang dijalankan di Muzium Diraja ini adalah pelbagai barang milik Sultan Kelantan, seperti gambar, pakaian, artifak, perabot dan sebagainya.

Setiap muzium mempunyai cara yang tersendiri dalam menguruskan sesuatu artifak yang terdapat didalam muzium tersebut supaya tidak mudah rosak. Pengurusan artifak perlulah sentiasa dipantau dan diuruskan dengan baik agar sesuatu artifak tidak mudah rosak, hilang dan sebagainya. Tanpa pengurusan artifak yang betul dan sistematik, ianya dapat memberikan kesan yang buruk kepada sesuatu artifak dalam jangka masa yang panjang, malah menjadikan sesuatu artifak yang terdapat dalam muzium itu rosak dan musnah. Jika sesuatu artifak itu rosak sudah pasti nilai sejarah yang ada pada artifak tersebut turut luntur dan jika artifak musnah maka generasi yang akan datang tidak dapat mengenali artifak tersebut dan tidak akan mengetahui akan sejarah tentang artifak tersebut

## 1.6 Kajian Terdahulu

Bab ini akan membincangkan dan menerangkan mengenai kajian terdahulu yang telah dikaji oleh penyelidik, terutama sekali kajian yang berkaitan dengan muzium, pengurusan artifak, prosedur penjagaan artifak dan sebagainya. Kajian terdahulu amat penting bagi sesebuah penyelidikan. Kajian terdahulu ini penting kerana dengan adanya kajian tersebut, iaanya dapat membezakan kajian yang akan dilakukan dengan kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Selain itu juga, dengan adanya kajian terdahulu ini, kajian-kajian tersebut boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan dapat dijadikan sebagai penambahan idea baru yang lebih jelas terhadap kajian yang sedang dijalankan. Selain itu, tujuan kajian terdahulu ini adalah untuk memberi pengetahuan tentang latar belakang mengenai tajuk kepada pengkaji. Secara tidak langsung, kajian terdahulu ini mampu melancarkan lagi perjalanan sepanjang penyelidikan yang dijalankan. Penyelidik menggunakan pelbagai rujukan yang meliputi perihal pengurusan artifak melalui rujukan buku di perpustakaan, majalah, akhbar dan risalah termasuk rujukan laman sesawang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.7 Latar Belakang Kajian

Kajian ini membincangkan mengenai proses konservasi terhadap pengurusan bagi penjagaan sesuatu artifak yang dipamerkan. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengetahui bagaimakah kaedah yang digunakan oleh pihak yang terlibat dalam pengurusan penjagaan artifak atau koleksi bagi pameran ini menjalankan proses-proses pengurusan penjagaan artifak untuk mengelakkan kerosakan pada artifak. Selain itu, dengan kajian ini juga ia dapat memelihara sesuatu keadaan koleksi daripada musnah mahupun rosak akibat daripada tindakbalas persekitaran dan serangan haiwan atau serangga perosak.

Muzium merupakan sebuah institusi yang menyimpan pelbagai jenis bahan dan artifak sejarah. Muzium dikatakan sebagai gedung atau tempat yang mengandungi dan tersimpannya berbagai-bagai jenis ilmu yang berkaitan dengan sejarah lampau kehidupan manusia, negara dan lain-lain. Pengurusan koleksi di sebuah Institusi yang terlibat seperti muzium atau galeri adalah merangkumi polisi perolehan, pendokumentasian artifak, kerja lapangan, pengumpulan dan penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan, keselamatan dan risiko koleksi serta pelupusan koleksi. Dalam mengekalkan warisan negara, penjagaan dan pengurusan koleksi memainkan peranan penting dalam memastikan sesuatu koleksi dapat dipelihara dan dipulihara dengan baik. Tanpa adanya pengurusan yang baik dalam sebuah muzium, sudah pasti boleh mengakibatkan setiap koleksi yang ada mengalami kerosakan dan kemusnahan malah dapat meninggalkan kesan buruk kepada koleksi atau artifak pada jangka masa yang Panjang.

Koleksi atau artifak Diraja merupakan barang lama yang terdapat di sebuah muzium khas bagi milik Diraja. Sebagai contoh koleksi milik sultan

Kelantan yang dijadikan sebagai sebuah muzium untuk mempamerkan barang atau keadaan sesebuah Institusi Sultan Kelantan. Artifak ini perlu sentiasa dipantau dan diuruskan dengan baik agar dapat dikekalkan nilai warisan sejarahnya sehingga generasi yang akan datang dapat melihat dan mengenali artifak sejarah tersebut. Di dalam sesebuah muzium, terdapat beberapa artifak yang perlu dijaga dengan begitu rapi kerana ada sesetengah artifak yang begitu mudah dan cepat untuk rosak dan musnah disebabkan oleh beberapa faktor persekitaran.

Pemeliharaan artifak adalah berkaitan dengan penjagaan serta pengurusan artifak yang dibuat di sesebuah muzium. Barang artifak yang tersimpan disusun dengan rapi dan kemas merupakan langkah pemeliharaan yang berkesan bagi mengatasi artifak tersebut menjadi rosak dan musnah. Pemeliharaan yang dilakukan adalah kepada sesuatu artifak yang agak lama dan berusia supaya nilai sejarah tetap kekal pada koleksi tersebut.

Pendokumentasian artifak di dalam sesebuah muzium amat penting dan perlu dilakukan dengan baik dan sistematik agar sesuatu artifak yang diperoleh dapat diklasifikasikan dengan betul dan artifak yang diperoleh daripada pelbagai sumber perolehan dapat dipelihara dan dijaga dengan baik dan dapat mengelakkan artifak rosak, musnah, hilang dan sebagainya. Pendokumentasian yang sistematik ke atas koleksi di Muzium DiRaja dibuat agar boleh dijadikan sumber rujukan kepada masyarakat tentang artifak bersejarah yang ada di dalam sesebuah muzium.

Kerosakan sesuatu artifak adalah melibatkan banyak faktor. Hal ini kerana artifak yang mengalami kerosakan tidak diuruskan dengan baik malah disebabkan oleh usia sesuatu artifak yang sangat lama yang menyebabkan pereputan mula berlaku. Antara faktor kerosakan artifak adalah disebabkan oleh faktor haiwan

seperti serangga perosak iaitu anai-anai, faktor manusia sendiri iaitu disebabkan oleh kecuaian dalam pengendalian yang membolehkan artifak jatuh dan pecah, faktor cahaya dan suhu yang tidak ditetapkan mengikut kesesuaian sesuatu artifak dan sebagainya.

## 1.8 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif dalam kajian ini yang telah digariskan oleh penyelidik:

- 1.8.1 Mengenal pasti prosedur pengurusan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.
- 1.8.2 Mengenal pasti kerosakan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.
- 1.8.3 Menganalisis kaedah yang digunakan dalam memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.

## 1.9 Persoalan Kajian

Terdapat bentuk persoalan kajian yang diutarakan untuk mencapai objektif yang bersesuaian dengan tajuk ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu:

- 1.9.1 Apakah prosedur pengurusan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.
- 1.9.2 Apakah faktor kerosakan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.
- 1.9.3 Bagaimanakah kaedah yang digunakan dalam memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.

### 1.10 Permasalahan Kajian

Pernyataan masalah ialah bahagian yang akan menerangkan mengenai isu dan masalah yang ingin dikaji dalam penyelidikan. Bahagian ini amatlah penting dalam penyelidikan yang dijalankan. Di dalam bahagian ini menjadi kesediaan penyelidik untuk mempertahankan isu atau masalah yang ingin dikaji. Justeru itu, segala masalah yang telah dianalisis dan diselidiki oleh penyelidikan agar dapat diterangkan secara mendalam mengapa kajian berkenaan perlu dijalankan. Pernyataan masalah ini telah diperoleh melalui pembacaan dan pemerhatian dalam keadah survei ke Kawasan lapangan. Selain itu, bahagian ini juga diperoleh melalui penelitian dokumen dan kajian lain berkaitan setiap objektif yang akan dicapai beserta dengan rujukan. Dalam kajian ini permasalahan pertama yang ditimbulkan ialah pengurusan koleksi yang tidak sistematik dan tidak teratur. Kajian diperoleh melalui kajian awalan yang dilakukan oleh penyelidik di mana penyelidik ingin mengetahui bagaimana prosedur pengurusan sesebuah koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Kelantan. Disamping itu, penyelidik ingin mengetahui apakah menyebabkan kepada kerosakan pada sebahagian koleksi yang dipamerkan di muzium ini. Antara temuan awal kerosakan yang penyelidik jumpai dalam survei awalan di tempat kajian adalah sebagian daripada koleksi senjata yang dipamerkan dalam bilik senjata (Rajah 1.1) yang mengalami kerosakan.




Rajah 1.1: Koleksi Bilik Senjata

Sumber: Olahan pengkaji. Survei di lokasi kajian Jalan Tengku Puteri, Kota Bharu, Kelantan pada 31 mac 2021 pada jam 10.00 pagi. Muzium Diraja, Jalan Tengku Puteri, Kota Bharu.

kaedah pengurusan penjagaan koleksi yang dijalankan di dalam Muzium tersebut serta penyelidik juga mendapati secara keseluruhannya Muzium Diraja kurang memberikan perhatian kepada aspek dalam memelihara artifak dan muzium kerana sistem pengurusan yang tidak sesuai.

## 1.11 Lokasi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih Muzium Istana Batu Kelantan sebagai lokasi kajian (Rajah 1.2). muzium ini merupakan muzium yang mempamerkan barang koleksi milik sultan Kelantan. Muzium yang beralamat di Di Jalan Tengku Puteri kedudukan koordinat bagi lokasi ini adalah 3.1325°N, 101.6958°E. Lokasi berhampiran dengan beberapa tempat lain antaranya ialah Istana Jahar yang merupakan antara tempat tarikan yang berhampiran muzium ini. Lokasi muzium diraja ini sangat mudah dijumpai kerana berada di Bandar Kota Bharu. Jarak untuk ke kawasan kajian ini adalah lebih kurang 30 km daripada Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok dengan masa yang diambil untuk ke lokasi adalah 40 minit. kenderaan yang digunakan adalah pacuan empat roda dan mana-mana pengangkutan jalan raya yang lain.



Rajah 1.2 Peta Lokasi Kajian

Sumber: Laman Rasmi Perbadanan Negeri Kelantan (2020). Dicapai pada 1

Disember 2020 pada pukul 12.00 p.m daripada

<https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-diraja-istana-batu>

### **1.12 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah pertama kepada institusi. Kajian ini penting kerana institusi permuziuman antara salah satu institusi sebagai sumber yang penting untuk menyebarkan maklumat terutama dalam aspek pendidikan. Kandungan yang terdapat di muzium akan memberi kesan positif kepada nilai sejarah kepada masyarakat terutama golongan pelajar sekolah, universiti, dan pengunjung luar yang datang melancang ke dalam negara. Aktiviti yang dijalankan di dalam muzium perlu dipelbagaikan lagi supaya dapat menarik minat pengunjung untuk datang ke muzium yang terdapat di negara ini. Kedua ia menjadi rujukan. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini penting untuk generasi akan datang kerana ia akan menjadi satu rujukan dan panduan yang boleh digunakan oleh penyelidik lain dan memperbanyakkan lagi rujukan tentang aspek permuziuman. Di samping itu, kajian ini amat penting kepada individu itu sendiri kerana melalui kajian ini banyak ilmu pengetahuan yang baru.

### **1.13 Skop Kajian**

Dalam skop kajian, penyelidik menghadkan kajian di Jalan Tengku Puteri, Kota Bharu, Kelantan. Hal ini kerana, pengkajian yang akan dijalankan adalah termasuk kajian lapangan yang melibatkan tinjauan terhadap penjagaan terhadap koleksi di dalam muzium. Fokus pengkajian yang akan dijalankan adalah mengenai kaedah pengurusan penjagaan koleksi yang dilaksanakan di Muzium Diraja, mengenal pasti kerosakan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan dan menganalisis kaedah yang digunakan dalam memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan. Di samping itu, untuk memperoleh data mengenai responden, penyelidik mensasarkan beberapa orang

responden yang terdiri daripada kurator, penolong kurator dan beberapa orang pegawai awam (H11) muzium yang mengendalikan Muzium DiRaja Kelantan sangat relevan untuk memberi respon kepada persoalan yang akan diajukan kepada mereka mengenali muzium tersebut.

### **1.14 Struktur Tesis**

#### **BAB 1: Pengenalan**

Bab 1 ini akan membincangkan berkaitan dengan struktur penyelidikan yang akan dijalankan. Pengkaji memfokuskan terhadap kaedah pengurusan penjagaan koleksi yang telah dilaksanakan di Muzium Diraja. Selain itu, di dalam bab 1 penyelidik telah memberikan gambaran secara keseluruhan tentang kajian yang bakal dilaksanakan. Dalam bab ini penyelidik telah memberikan lokasi kawasan kajian. Seterusnya, dalam bab ini juga penyelidik telah menerangkan dari segi aspek sejarah Institusi raja yang terlibat, penerangan tentang muzium, pengurusan koleksi di muzium, pameran koleksi, pemeliharaan artifak atau koleksi, pendokumentasian dan factor-faktor yang menyebabkan kerosakan kepada sesebuah artifak atau koleksi. Metod yang ringkas juga turut dinyatakan dalam bab ini bagi menunjukkan proses perjalanan gerak kerja dalam penyelidikan ini dan skop kajian dinyatakan sebagai panduan kepada penyelidik supaya kajian yang dijalankan adalah dalam ruang lingkup penyelidikan.

#### **Bab 2: Kaedah Pengurusan Penjagaan Koleksi**

Di dalam bab 2 ini pula penyelidik akan membincangkan apakah isu yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu tentang sesebuah muzium dan pengurusan

terhadap sesuatu koleksi. Disini penyelidik telah menggunakan kajian literatur dan teori sebagai rujukan dalam menulis terutama sekali kajian yang berkaitan dengan muzium, pengurusan artifak, prosedur penjagaan artifak dan sebagainya. Selain itu juga, dengan adanya kajian terdahulu ini, kajian-kajian tersebut boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan dapat dijadikan sebagai penambahan idea baru yang lebih jelas terhadap kajian yang sedang dijalankan. Kajian terdahulu juga membolehkan penyelidik mempertahankan bahawa kajian yang sedang dilakukan ini merupakan kajian yang asli tanpa meniru kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. penyelidik menggunakan pelbagai rujukan yang meliputi perihal pengurusan artifak melalui rujukan buku di perpustakaan, majalah, akhbar dan risalah termasuk rujukan laman sesawang. Dalam bab ini juga turut memberikan tumpuan kepada bagaimakah kaedah yang betul yang digunakan dalam pengurusan sesebuah koleksi di Muzium. Ia adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran berkaitan prosedur yang dijalankan di muzium secara umum. Selain itu juga, bab ini juga akan membantu penyelidik untuk melihat pendedahan yang digunakan dalam memelihara koleksi di Muzium Diraja Kelantan.

### **Bab 3: Metodologi Kajian**

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah kajian yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini serta pengkaji akan menghuraikan beberapa sub-topik kecil iaitu reka bentuk kajian yang akan menerangkan tentang kaedah yang akan diguna pakai dalam kajian ini. Selain itu, dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan tentang kaedah pengumpulan data iaitu terbahagi kepada dua bahagian data primer dan data sekunder. Seterusnya, dalam bab ini pengkaji akan

menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan kaedah memperolehi maklumat dan data berdasarkan sumber yang dikumpul.

#### **Bab 4: Analisis data**

Bab ini akan menerangkan mengenai analisis data yang perolehi penyelidik menerusi kaedah-kaedah metodologi yang digunakan. Penyelidik akan menerangkan secara umum mengenai definisi analisis data untuk memberi gambaran jelas mengenai bahagian ini. Kemudian penyelidik akan menyusun dan menganalisis data-data yang diperoleh mengikut skop objektif yang telah ditetapkan bagi menjelaskan mengenai analisis data yang ingin dikemukakan.

#### **Bab 5: Kesimpulan**

Dalam bab ini penyelidik akan menjelaskan tentang tiga topik utama secara lebih terperinci iaitu perbincangan, cadangan dan kesimpulan yang telah diperolehi daripada hasil kajian yang dijalankan. Secara keseluruhannya bab ini juga merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Justeru itu, dalam bab ini akan dimasukkan bahagian kesimpulan bagi merumuskan segala yang telah ditulis oleh penyelidik.

### 1.15 Rumusan Bab

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan konservasi koleksi yang terdapat di Muzium dan keberkesanan pengurusannya terhadap sesuatu koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Kelantan. Penjagaan terhadap kualiti sesuatu barang artifak dapat dijamin dengan adanya kajian berkaitan pengurusan penjagaan koleksi. Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai risiko dalam pengurusan artifak ini tetapi ia dapat diuruskan dengan baik jika menggunakan cara yang fleksibel untuk menguruskan artifak dengan lebih cekap dan berhati-hati. Oleh itu, dengan adanya kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini dapat menambahkan idea serta memperkuatkan lagi sistem pengurusan artifak di Muzium Diraja Kelantan. Sekaligus ia dapat menarik minat pelancong untuk datang melawat ke Muzium Diraja Kelantan untuk melihat sendiri keindahan koleksi yang ada dan kecekapan pengurusan artifak yang ada pada Muzium Diraja Kelantan. Selain itu, dalam bab ini penyelidik menjelaskan secara umum tentang kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik. Bab ini juga menunjukkan perancangan dan strategi bagi hala tuju kajian yang ingin dijalankan oleh penyelidik. Oleh itu, penyelidik juga menjelaskan mengenai objektif, permasalahan, persoalan, kepentingan dan skop untuk penyelidik menjalankan kajian. Maka dengan ini, penyelidik akan menjalankan kajian mengikut apa yang telah dirancang dan ingin mencapai objektif kajian dan mengikut skop kajian yang ditetapkan.

## BAB 2

### KONSERVASI KOLEKSI DI MUZIUM

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini menguraikan tentang kajian literasi yang telah dilakukan oleh penyelidik dalam menghasilkan kajian projek penyelidikan ini. Kajian literasi dilakukan berdasarkan kajian yang terdahulu yang melibatkan kaedah dalam pengurusan penjagaan dalam konservasi koleksi. Kajian literasi ini juga berdasarkan skop kajian yang berkaitan dengan konservasi koleksi serta berkaitan dengan kaedah yang digunakan. Selain itu, melalui kajian literasi ini juga mampu dijadikan sebagai sumber rujukan kepada penyelidik dalam menghasilkan kajian ini. Malah, dengan hasil kajian ini kajian literasi ini mampu mengukuhkan lagi skop kajian serta tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji.

Tujuan kajian literasi adalah untuk menjelaskan kajian yang akan dijalankan berdasarkan maklumat dan pengetahuan yang tepat tentang hubungkait isu yang hendak dikaji. Dalam bab 2 ini, penyelidik akan membentangkan subtopik-subtopik yang berkaitan dengan tajuk dengan lebih terperinci serta menyatakan berdasarkan daripada kajian terdahulu.

## 2.2 Muzium

Menurut Zuraidah (2012), muzium adalah sebuah bangunan yang menempatkan bahan-bahan sejarah yang digunakan pada sesuatu peristiwa yang betul-betul terjadi pada zaman dahulu. Bahan-bahan sejarah lampau perlu dijadikan sebagai penghayatan kepada generasi muda pada masa kini agar mereka tahu akan pengorbanan orang-orang zaman dahulu. Peristiwa yang berlaku pada masa lampau merupakan sesuatu peristiwa yang penting dalam membangkitkan kemajuan sesebuah negara tidak kira dari segi ekonomi maupun perpaduan negara. Bahan sejarah haruslah sentiasa dijaga supaya generasi seterusnya dapat melihat dan menghayatinya. Menurutnya lagi, pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) merupakan badan yang bertanggungjawab dalam memastikan sesuatu artifak sejarah di muzium terjaga.

Dalam tinjauan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya penjagaan koleksi sejarah supaya ia kekal terpelihara dan generasi yang akan datang. Malah, kajian yang penyelidik jalankan iaitu tentang pengurusan koleksi bagi pameran di Muzium Diraja Kelantan ini juga melibatkan bagaimanakah sesebuah institusi seperti muzium yang terlibat ini menjaga artifak yang ada daripada mengalami kerosakan serta penyelidik akan meninjau bagaimana penjagaan koleksi yang dibuat di Muzium tersebut.

### 2.3 Fungsi Muzium

Ainuddin (2015), peranan muzium sangat penting dalam memelihara dan menyelamatkan warisan sejarah kerana muzium merupakan pusat atau gedung khazanah negara yang bertanggungjawab dalam memelihara dan menyimpan pelbagai jenis artifak atau koleksi lampau. Aktiviti yang dijalankan dalam menyelamatkan dan juga memelihara artifak adalah dengan adanya maklumat yang lengkap dan pendokumentasian sebelum dijadikan buku ataupun diterbitkan untuk disebarluaskan kepada orang ramai kerana muzium dikatakan sebagai tempat yang mencari dan mengumpulkan maklumat kepada orang ramai.

Penyebaran maklumat yang benar adalah fungsi utama muzium sebagai tempat pendidikan. Usaha yang dilakukan untuk memelihara warisan sejarah ini dapat membuka mata masyarakat bahawa pentingnya warisan sejarah ini terus dipelihara dan dijadikan tatapan kepada generasi seterusnya. Dalam kajian lepas ini dapat dilihat bahawa pentingnya kewujudan muzium dan juga fungsinya kepada masyarakat dan juga negara dalam menyebarkan dan menyampaikan beberapa ilmu pengetahuan tentang sejarah lampau melalui artifak-artifak yang terus dipelihara dan dipamerkan kepada orang ramai. Menurut Jabatan Muzium Malaysia, muzium kebiasaan telah diberi anggapan daripada masyarakat adalah sebagai tempat yang memegang amanah warisan negara yang sangat bertanggungjawab menjaga koleksi agar setiap koleksi tidak rosak dan musnah. Muzium juga telah memainkan peranan sebagai sebuah institusi pendidikan yang tidak rasmi disebabkan terdapat banyak sumber dan bahan-bahan yang dapat menjelaskan tentang sesuatu koleksi dan memberikan lebih kefahaman kepada masyarakat malah dapat memupuk minat

masyarakat dalam bidang sejarah, sains, sastera bahkan menarik minat kepada alam semulajadi. Dalam konteks lainnya, muzium bukan sahaja tempat pendidikan yang tidak rasmi malah muzium juga memainkan peranannya sebagai tempat memelihara dan mengekalkan sesuatu koleksi warisan sejarah, tempat kebudayaan, dan juga pelancongan. Muzium haruslah diuruskan dengan berpandukan dasar-dasar yang ditetapkan. Dalam kajian literatur ini penyelidik dapat mengetahui tentang dasar-dasar yang ada untuk menguruskan sebuah muzium mengikut landasan yang betul dan mencapai matlamat dan misi sesebuah muzium.

#### **2.4 Pengurusan Artifak**

Menurut Nazihah (2018), dalam kajiannya yang memperlihatkan tentang penumpuan terhadap pengurusan koleksi tekstil iaitu dari perolehan, pendaftaran, penyelidikan, konservasi, pameran dan penstoran mestilah dilakukan mengikut cara dan aturan yang telah ditetapkan oleh setiap muzium. Penjagaan dan pengurusan terhadap koleksi haruslah sentiasa diberikan penekanan supaya setiap koleksi dapat dipelihara dan diberi penamaikan sehingga dapat dijadikan sebagai tatapan kepada generasi yang akan datang. Pemuliharaan terhadap koleksi adalah sangat penting bagi meminimumkan kerosakan yang terdapat pada koleksi malah dapat mengekalkan nilai sejarah yang ada pada setiap koleksi, manakala pemeliharaan yang dilakukan adalah untuk memastikan setiap koleksi berada dalam keadaan yang terurus dan baik malah dapat menjamin keselamatan dan nilai setiap koleksi yang ada. Penyelidik dapat melihat bahawa pengurusan koleksi yang berjaya adalah dengan mengikut cara dan aturan yang telah ditetapkan di dalam sesebuah muzium malah dapat memanjangkan jangka hayat sesuatu artifak.

Menurut Shakil (2014), dalam kajiannya yang memperlihatkan tentang strategi pengurusan koleksi di sebuah muzium. Kajian ini dilakukan dengan membuat penumpuan kepada kaedah dalam memelihara dan memulihara sesuatu artifak, kaedah perolehan artifak samada pinjaman, hadiah, wasiat dan pelbagai lagi, kaedah penstoran yang dijalankan di sebuah muzium, cara pengurusan artifak tersebut dan juga cara untuk menjaga keselamatan sesuatu artifak yang diperoleh supaya tidak rosak dan dapat melindungi dari segala punca yang boleh menyebabkan kerosakan sesuatu artifak. Menurutnya lagi, pengekalan terhadap nilai warisan yang ada pada setiap artifak yang diuruskan dalam sesebuah muzium dapat menunjukkan bahawa pengurusan artifak yang dijalankan adalah betul dan telah mengikut garis panduan yang ditetapkan. Di samping itu, dasar-dasar pengurusan yang dijalankan dalam sesebuah muzium adalah bertujuan untuk membentuk sebuah pengurusan yang baik dan sistematik. Berdasarkan tinjauan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa pentingnya pengurusan artifak mengikut garis panduan yang betul. Penyelidik akan memastikan Muzium Diraja Kelantan ini menjalankan pengurusan artifak mengikut garis panduan yang betul agar nilai sesuatu artifak dapat dipelihara dengan baik.

Menurut Ambrose (1993), di dalam sebuah pengurusan koleksi yang dilakukan dalam sesebuah muzium terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dan diberikan penekanan iaitu perkara yang melibatkan polisi perolehan dan pelupusan sesuatu koleksi, perkara yang melibatkan pengumpulan dan penyelidikan yang telah dilakukan, perkara yang melibatkan sumbangan tenaga kerja, perkara yang melibatkan pembelian dan pinjaman yang telah dibuat, perkara yang melibatkan cara pemeliharaan dan pemuliharaan pada setiap koleksi dan juga perkara yang

melibatkan keselamatan dan risiko sesuatu koleksi. Perolehan di dalam sesebuah muzium perlulah mempunyai tujuan dan juga objektif yang tepat, peraturan-peraturan dalam mengumpulkan koleksi di muzium adalah dengan mengikut undang-undang yang dibuat, melakukan penjadualan sesuatu polisi, prosedur dalam perolehan koleksi yang sistematik termasuklah dari segi pinjaman dan tempat untuk pengumpulan. Dalam tinjauan kajian ini, penyelidik dapat mengetahui tentang perkara yang perlu ada dalam pengurusan koleksi.

Menurut Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) (1974), di dalam panduan ICOM ada menerangkan tentang prinsip utama bagi pengurusan koleksi di dalam sesebuah institusi permuziuman. Panduan itu adalah dalam pengurusan perlu mempunyai dan memiliki etika atau prinsip dalam menyediakan sesuatu ‘standard minimum’ bagi sesuatu operasi muzium seperti menyelenggara dan juga memajukan semua aspek yang berkaitan dengan permuziuman secara sistematik malah dapat menyediakan perkhidmatan yang berkesan. Pada peringkat awal kewujudan sesebuah muzium pada zaman dahulu adalah tidak mengambil berat tentang hal yang berkaitan dengan sesuatu pengurusan koleksi tetapi hanya mementingkan kepada koleksi semata-mata. Di dalam sesebuah muzium, terdapat pelbagai jenis koleksi yang mudah rosak dan juga telah musnah disebabkan oleh tiada dan kurangnya penjagaan terhadap koleksi yang diperoleh malah koleksi-koleksi itu tidak diselenggara mengikut cara yang betul. Oleh hal demikian, aspek yang berkaitan dengan pengurusan di dalam sesebuah muzium perlu diberikan penekanan dan perhatian yang lebih serius agar tidak hilang nilai warisan sejarah terutamanya pengurusan yang berkaitan dengan koleksi. Di dalam kajian literatur ini penyelidik dapat mengetahui betapa

pentingnya pengurusan koleksi di dalam sesebuah muzium dengan memiliki etika dan peraturan yang betul. Penyelidik akan mengkaji tentang etika yang dimiliki oleh Muzium Diraja Kelantan berkaitan aspek pengurusan koleksi atau artifak dan menerapkan etika yang sewajarnya yang perlu ada dalam menguruskan sesuatu artifak.

Menurut Anne (1995), pengurusan koleksi merupakan salah satu perkara yang dapat menentukan jangka hayat sesuatu koleksi di sesebuah muzium melalui penjagaan terhadap fizikal koleksi dan cara pendokumentasian koleksi. Hal ini kerana bahagian ini sangat luas malah melibatkan berbagai-bagai aktiviti yang dilakukan. Tujuan utama pengurusan koleksi dilakukan adalah untuk memelihara, melindungi, menyelamatkan sesuatu artifak dan juga untuk berkongsi pendapat dalam memastikan sesuatu artifak tidak musnah dan hilang. Terdapat beberapa panduan dalam menyediakan polisi pengurusan koleksi antaranya ialah yang paling utama pengenalan kepada polisi yang dibuat, seterusnya memberikan makna kepada perkara-perkara yang ada di dalam polisi itu. Setelah semuanya selesai, proses dalam membuat polisi perlu dijalankan. Pada pendapat penyelidik, kajian yang dilakukan ini tidak menjelaskan tentang polisi dengan lebih jelas bagi memberikan kefahaman kepada penyelidik terhadap polisi pengurusan koleksi.

Menurut V.J (1992), koleksi yang diperoleh daripada pelbagai sumber perlu direkodkan dengan berhati-hati dan tepat. Kaedah penjagaan sesuatu koleksi wajar diketahui oleh pihak muzium misalnya dari segi suhu, cara pemeliharaan dan pemuliharaan, malah penjagaan koleksi bagi pameran kepada orang ramai. Menurutnya lagi di dalam muzium atau galeri yang kecil, orang yang

bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan pengurusan koleksi adalah pengarah muzium. Tetapi di dalam muzium yang lebih besar, tanggungjawab menguruskan koleksi adalah tanggungjawab kurator. Kurator ini memikul tanggungjawab menguruskan koleksi dengan dibantu oleh pendaftar iaitu orang yang bertanggungjawab untuk merekod dan menguruskan peminjaman koleksi. Dalam kajian ini, penyelidik dapat mengetahui bahawa rekod yang dilakukan kepada setiap koleksi yang diperoleh perlulah tepat dan betul, malah pihak yang terlibat seperti kurator dan pembantunya memainkan peranan dalam pengurusan koleksi dengan merekod koleksi dan menguruskan peminjaman koleksi dengan betul. kurator juga merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam menghidupkan sebuah muzium dengan menyampaikan sebuah penceritaan yang menarik kepada sesuatu muzium.

## 2.5 Prosedur Penjagaan Koleksi

Menurut Zuraidah (2012) dalam kajiannya yang bertajuk ‘prosedur penjagaan koleksi warisan’ menyatakan bahawa koleksi sejarah perlu diberikan penjagaan yang rapi dan mengikut prosedur penjagaan yang betul. Penjagaan artifak yang bersejarah adalah melibatkan akta dan juga kaedah yang telah disediakan supaya sesuatu artifak yang dijaga dapat melalui prosedur penjagaan yang seragam dan telah ditetapkan. Bagi mengelakkan sesuatu artifak sukar untuk dicari dan dijumpai, keseragaman merupakan sesuatu perkara yang penting dalam prosedur penjagaan artifak kerana dapat memastikan pendokumentasian bagi sesuatu artifak dapat dilakukan dengan baik. Prosedur penjagaan artifak terdiri daripada beberapa peringkat iaitu yang pertama perolehan dan pengurusan koleksi dimana dapat

dilihat perolehan daripada pelbagai cara iaitu pembelian, hadiah, penyelidikan di lapangan, wakaf dan wasiat. Manakala prosedur seterusnya ialah pendaftaran koleksi diikuti dengan penstoran dan penyimpanan koleksi dan yang terakhir konservasi. Mengikut pemerhatian yang dibuat berdasarkan tinjauan kajian ini mendapati bahawa pentingnya prosedur pengurusan koleksi yang seragam. Prosedur yang betul dalam penjagaan koleksi ini perlu dilakukan di dalam mana-mana muzium galeri yang menjaga koleksi dan perlu dipraktikkan dan dimasukkan ke dalam prosedur penjagaan koleksi di Muzium mengikut prosedur pengurusan yang betul.

## 2.6 Pemeliharaan Koleksi

Menurut Zuraidah (2012), pemeliharaan koleksi adalah satu tanggung jawab penting di dalam sesebuah muzium bagi mengekalkan warisan sejarah agar terus terjamin. Walaupun seperti yang dilihat dalam sesebuah negara yang sudah menghampiri arus pemodenan dalam semua perkara termasuk teknologi, warisan yang ada tidak seharusnya di tinggalkan mahupun dilupakan kerana warisan negara ini dapat memberikan pelbagai kepentingan kepada semua dalam pelbagai cara terutama sekali adalah pembangunan jati diri dalam kalangan masyarakat dan kepada ekonomi negara melalui pelancongan yang dibuat di sesebuah muzium. Pemuliharaan koleksi perlu dilakukan dengan mengikut cara yang betul supaya koleksi tidak rosak disebabkan faktor-faktor kerosakan sesebuah koleksi iaitu faktor persekitaran, suhu, cahaya dan sebagainya. Dalam kajian literatur ini, penyelidik akan mengkaji cara pemeliharaan yang dilakukan pada koleksi yang dipamerkan di

Muzium Diraja Kelantan. Dalam melihat arus kemodenan ini, koleksi yang terdapat di muzium harus dipelihara dengan sebaik mungkin agar tidak musnah dan rosak.

Menurut Yuszaidy (2013), pemeliharaan merupakan sesuatu proses untuk memberhentikan sesuatu koleksi daripada mengalami kemerosotan lanjut atau kerosakan, keadaan yang usang ataupun reput, dan menyediakan kaedah yang selamat untuk menjaga sesuatu koleksi daripada sesuatu yang boleh menjelaskan keadaan koleksi. Dengan menggunakan kaedah memperlakukan proses pereputan dan kemerosotan ke atas setiap koleksi ini ia dapat mengelakkan koleksi daripada terus berada dalam keadaan yang usang dan mengalami proses deteriorasi. Jangka hayat koleksi juga akan lebih terjamin sekiranya pemeliharaan koleksi dilakukan dengan baik. Berdasarkan kajian literatur ini penyelidik mendapat sedikit maklumat berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk melambatkan proses penyusutan sesuatu koleksi. Kritikan pada kajian ini adalah penyelidik kajian terdahulu ini tidak menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk pemeliharaan koleksi.

## 2.8 Rumusan Bab

Penyelidik tidak menafikan di dalam sesuatu kajian terdahulu ia dilihat mempunyai pelbagai maklumat yang penting dan sangat membantu dalam kajian yang bakal dijalankan. Namun terdapat juga sesetengah kajian terdahulu yang tidak memberikan maklumat yang lengkap disebabkan oleh beberapa faktor masalah iaitu masalah kumpulan data yang tidak dapat dibuka oleh penyelidik malah ada juga yang berpunca daripada penyelidik lepas yang tidak dapat mengakses maklumat berkenaan tentang kajiannya disebabkan oleh tidak dapat bersemuka atau menemu

bual responden - responden yang terlibat atas sebab-sebab tertentu. Hal ini membolehkan kajian terdahulu itu tidak lengkap dan tidak mencapai objektif yang diinginkan.

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu merupakan perkara yang penting dalam proses pencarian maklumat bagi memperoleh sebanyak mungkin maklumat dalam proses projek penyelidikan ini. Setiap rujukan yang dirujuk oleh penyelidik mempunyai kelebihan tersendiri bagi penyelidik mendapatkan maklumat. Melalui kajian terdahulu ini juga antara langkah yang memerlukan ketelitian dan perhatian semasa proses pembacaan agar tidak ketinggalan sebarang maklumat yang penting. Dengan pembacaan ini, penyelidik akan menjadi lebih teliti terhadap kajian yang dilakukan di samping dapat menambah sesuatu atau input yang baru terhadap kajian berbanding dengan kajian-kajian sebelum ini. Selain itu, melalui kajian terdahulu juga dapat disimpulkan bahawa pentingnya pengurusan kepada sesuatu artifak supaya dilakukan dengan betul dan sistematik mengikut kaedah yang telah ditetapkan. Pengurusan artifak yang ada di dalam sesebuah muzium dapat memelihara nilai warisan sejarah malah dapat melindungi artifak daripada musnah. Terdapat banyak kajian yang terdahulu yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini.

## BAB 3


### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi kajian ini membolehkan perjalanan kajian ini lebih kepada cara bagaimana penyelidik mencari maklumat dan menggunakan maklumat tersebut untuk mencapai objektif yang ditetapkan sekaligus menjadikan kajian yang dijalankan lebih sistematik. Penyelidik membuat perancangan dengan lebih teratur bagi mengenalpasti metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah yang tertentu. Bab ini akan membincangkan tentang metodologi kajian yang mengandungi reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan pendekatan yang digunakan adalah pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif merupakan kajian yang dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temubual, analisis dokumen, artikel, laman sesawang dan nota lapangan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap. Antara kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif adalah kajian kes, kajian tindakan, kajian lapangan dan analisis dokumen.

Penyelidik juga turut membentangkan tentang carta alir. Carta alir merupakan satu carta yang menerangkan tentang proses yang dilakukan dalam kajian ini. Melalui kerja yang dijalankan sepanjang menghasilkan kajian ini sentiasa teratur serta mengikut prosedur yang betul. Selain itu, dengan adanya carta alir ini penyelidik akan memperolehi segala maklumat serta data yang berkaitan dan menggunakannya untuk menjawab segala permasalahan kajian.

### 3.2 Metodologi Kajian



Rajah 3.1: carta alir metodologi kajian

Kaedah kajian adalah cara bagi penyelidik mengumpul dan menganalisis data untuk melengkapkan sesuatu kajian yang dijalankan. Kaedah kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kajian kualitatif dan kajian kuantitatif. Terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik untuk menyelesaikan tugas yang dijalankan. Oleh itu, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Kaedah ini sangat membantu penyelidik dalam menjalani kajian dan memudahkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang betul dan cepat tentang pengurusan penjagaan koleksi bagi pameran di Muzium DiRaja Kelantan.

Kaedah kuantitatif merupakan satu kaedah yang menggunakan analisis statistik data numerik untuk mendapatkan sesuatu maklumat serta menjelaskan sesuatu perkara. Selain itu, proses yang digunakan dalam kaedah ini dengan

melibatkan angka, data numerik serta membuat pengiraan kuantiti dan peratusan untuk mendapatkan hasil kajian. Malah, kaedah ini juga menggunakan skop responden yang besar. Contoh kajian ialah kajian mengenai persepsi responden dan kajian mengenai tinjauan. Manakala kaedah kualitatif ialah kaedah untuk mendapatkan data dengan cara yang terperinci serta memfokuskan sesuatu skop, Lokasi kajian serta responden yang tertentu sahaja. Proses yang digunakan dalam kaedah ini dengan melakukan tinjauan lokasi kajian serta pemerhatian terhadap sesuatu yang berlaku, membuat analisis terhadap dokumen atau kajian terdahulu serta merekodkan hasil pemerhatian. Selain itu, kajian ini melibatkan skop responden yang kecil dimana pengkaji melakukan temu bual dengan responden yang tertentu sahaja. Contoh kajian ialah kajian mengenai sejarah, etnografi dan kajian kes.

Berdasarkan kajian ini penyelidik telah memilih kaedah kualitatif dimana iaanya bersesuaian dengan pendekatan kajian ‘case study’. Dalam kajian in, pengkaji telah menggunakan dua jenis sumber untuk mendapatkan rujukan dan juga maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber tersebut ialah sumber primer yang terdiri daripada proses survei, pemerhatian, temu bual, soal selidik, dan juga hasil daripada catatan. Seterusnya ialah sumber sekunder yang merujuk kepada sumber internet dan sumber perpustakaan yang terdiri daripada jurnal, artikel, kajian terdahulu, keratan akhbar, internet dan sebagainya.

Bil	Objektif kajian	Kaedah kajian
1	Mengenal pasti prosedur pengurusan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.	Pemerhatian Temu bual Soal selidik catatan
2	Mengenal pasti kerosakan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.	Pemerhatian Temu bual Perpustakaan Lawan sesawang Soal selidik catatan
3	Menganalisis kaedah yang digunakan dalam memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan.	Pemerhatian Temu bual catatan

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Rajah 3.2: Objektif Kajian Dan Kaedah Kajian

### 3.3 Sumber primer

Merujuk kepada sumber pertama yang mempunyai kandungan yang tidak diolah, bersifat asli dan belum ditafsir. Selain itu, sumber primer merujuk kepada sumber yang berbentuk tulisan tangan, bentuk lisan serta melalui pemerhatian secara langsung. Secara tidak langsung, sumber primer membolehkan lagi penyelidik memperolehi fakta dan maklumat yang sah

dalam membuat sesuatu kajian. Contoh bagi sumber primer ialah dokumen rasmi jabatan, manuskrip yang belum dicetak, batu bersurat dan sebagainya. Bagi kajian yang dijalankan ini, penyelidik telah menggunakan sumber primer iaitu membuat pemerhatian terhadap proses – proses yang dijalankan semasa kaedah survey dibuat. Selain itu, penyelidik juga turut memperolehi data hasil daripada bentuk lisan dimana temu bual telah dibuat terhadap responden yang tertentu sahaja.

### 3.3.1 Survei

Kaedah survei merujuk kepada proses tinjauan awal di lokasi kajian setelah mengenal pasti lokasi yang bersesuaian dengan tajuk kajian (Rajah 3.3). Tujuan survei ini dilakukan adalah untuk mengumpul data awal, mengambil sampel, dan bertanyakan soalan umum kepada responden sebelum memulakan kajian. Selain itu, survei ini juga dilakukan untuk melihat sendiri keadaan persekitaran lokasi kajian tersebut. Setelah membuat analisis data yang telah diambil pengkaji akan mengunjungi semula lokasi kajian secara berkala untuk melakukan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat survey di Muzium Istana Batu selama satu hari (Rajah 3.3).



### Rajah 3.3: survei yang dibuat di Muzium Istana Batu Kelantan

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium Istana Batu, Kota Bharu.

#### 3.3.2 Kaedah pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah salah satu cara penyelidikan yang digunakan untuk mengukur maklumat penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temuduga. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan maklumat-maklumat yang telah dikenal pasti. Peranan penyelidik ialah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar, serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dari dekat. Dalam kajian ini juga, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian kerana cara ini amat sesuai untuk menambahkan lagi maklumat kajian yang sedang dijalani. Dengan penggunaan kaedah ini penyelidik dapat melihat bagaimana pihak muzium menguruskan koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Kelantan. Pemerhatian ini juga, penyelidik dapat melihat bagaimana pengurusan penjagaan koleksi yang dinilai sebagai aset warisan yang sangat penting dan perlu dijaga.

### 3.3.3 Kaedah Temubual

Temu bual merupakan perbualan antara dua orang atau lebih (menemu bual dan yang ditemu bual). Temu bual biasanya untuk memperoleh maklumat dari seseorang. Kajian ini juga, penyelidik menggunakan kaedah temubual kerana kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat secara langsung daripada pihak Perbadanan Muzium Diraja Kelantan. Kaedah temubual ini untuk mendapatkan maklumat yang terperinci lagi dan memudahkan penyelidik untuk menyempurnakan kajian yang dijalankan.


### 3.3.4 Soal Selidik

Informan kajian merupakan soal selidik antara pengkaji dan individu yang dipilih untuk mendapatkan maklumat bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan di Muzium Istana Batu. Informan yang dipilih oleh pengkaji untuk di soal selidik adalah pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan pensyarah-pensyarah UMK yang mengetahui serba sedikit maklumat berkenaan Muzium Istana Batu. Oleh itu, penyelidik akan menemu bual dua orang individu tambahan yang terlibat dalam pengurusan Muzium Istana Batu yang berada berdekatan muzium tersebut.

### 3.3.5 Kaedah Catatan

Kaedah catatan adalah salah satu kaedah yang dijalankan oleh pengkaji bagi memperoleh maklumat yang diperlukan semasa kajian dijalankan. Maklumat yang diperoleh semasa pemerhatian dijalankan akan dicatat dalam buku nota yang telah disediakan oleh pengkaji. Catatan nota semasa lapangan dapat membantu pengkaji untuk menganalisa data dan juga

membantu pengkaji dalam penulisan laporan kajian. Tambahan lagi, catatan nota tersebut dapat memperkuuhkan lagi kajian yang dijalankan (Rajah 3.4). Penyelidik menggunakan buku nota dan pen untuk mencatat. Saiz buku yang digunakan beranggara 19 cm Panjang dan 13 cm lebar.



Rajah 3.4: Rekod catatan pengkaji sepanjang kajian lapangan.

Sumber: Koleksi pengkaji. Nota lapangan Muzium Istana Batu, Kota Bharu.

### 3.4 Sumber sekunder

Perolehan data sekunder pula adalah dengan kaedah mencari maklumat yang berkenaan dan relevan dengan kes kajian yang dikaji berdasarkan dokumen dari Jabatan Warisan, buku, jurnal, artikel, bahan-bahan rujukan, maklumat-maklumat kajian lepas serta penulisan. Kaedah ini juga diklasifikasikan sebagai kajian perpustakaan. Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan oleh penyelidik adalah dari bahan atau dokumen yang telah dikaji semula kandungannya kemudian di tafsir dalam bentuk medium yang lain. Selain itu, sumber sekunder juga merujuk kepada sumber primer yang telah diubahsuai bentuknya ke dalam sesuatu medium yang mudah untuk difahami beserta tersusun. Hal ini kerana kebanyakan sumber primer mempunyai kandungan yang sukar untuk difahami di zaman moden dan juga

kandungan yang tidak tersusun. Seterusnya, sumber sekunder juga bahan bacaan dari sumber primer yang telah diterbitkan secara berkala atau bersiri untuk bacaan dari masa ke semasa. Contoh bagi sumber sekunder adalah jurnal, artikel, buku ilmiah, kajian terdahulu, internet, keratan akhbar dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan yang merujuk kepada sumber internet, kajian terdahulu, artikel, dan buku ilmiah.

#### 3.4.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah bacaan merupakan kaedah pengumpulan maklumat melalui bahan bacaan ilmiah. Lazimnya kaedah ini menggunakan sumber – sumber bertulis seperti jurnal, artikel, keratan akhbar dan sebagainya melalui media bercetak mahupun media elektronik. Bagi mendapatkan maklumat mengenai konservasi koleksi ini pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah bacaan. Antaranya adalah merujuk kepada penulisan yang berkaitan bagi mendapatkan gambaran awal mengenai konservasi koleksi di muzium. Selain itu, pengkaji turut melakukan rujukan mengenai kajian – kajian lepas atau artikel yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Hal ini sedikit sebanyak memberi input sedikit sebanyak kepada pengkaji mengenai bidang pemeliharaan artifak. Pengkaji juga mengetahui bagaimanakan sebuah muzium melakukan proses konservasi terhadap koleksi yang dimiliki. Kajian berdasarkan bacaan ini dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai konservasi koleksi. Selain itu, maklumat tambahan ini jelas amat diperlukan bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan serta membolehkan pengkaji yakin dengan kajian ini.

### 3.4.2 Kaedah internet

Penyelidik telah merujuk laman sesawang untuk mendapatkan beberapa maklumat dan data tambahan yang boleh digunakan untuk membantu penyelidik menyiapkan kajian yang dijalankan. Kaedah internet merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat di atas talian. Melalui kaedah ini, penyelidik telah merujuk artikel-artikel yang berkaitan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Antara artikel yang dilayari oleh penyelidik melalui laman sesawang adalah seperti kajian daripada Nazihah (2018), dalam kajiannya yang memperlihatkan tentang penumpuan terhadap pengurusan koleksi tekstil iaitu dari perolehan, pendaftaran, penyelidikan, konservasi, pameran dan penstoran mestilah dilakukan mengikut cara dan aturan yang telah ditetapkan oleh setiap muzium dan lain-lain artikel yang membincangkan tajuk tentang permuziuman. Dengan adanya artikel seperti ini penyelidik dapat mengetahui lebih lanjut tentang kaedah pengurusan artifak yang lebih sistematik

### 3.5 Prosedur Dapatan Kajian



Rajah 3.5: Kerangka Prosedur Dapatan Kajian

Sumber: Koleksi Pengkaji (olahan pengkaji)

### 3.6 Analisis Demografi

Di dalam kajian ini, penyelidik telah menemubual beberapa orang informan secara atas talian melalui aplikasi *whatsapp* dan panggilan telefon untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas berkenaan dengan tajuk kajian penyelidik iaitu pengurusan penjagaan koleksi bagi pameran di Muzium Diraja Kelantan. Penyelidik telah berjaya mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian melalui hasil temubual yang telah dijalankan. Temubual yang dijalankan kepada responden adalah mengikut skop-skop soalan yang telah disediakan berdasarkan kajian penyelidik dan soalan tersebut juga dijawab oleh informan berdasarkan soalan yang ditanya. Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah melalui informan-informan dimana mereka yang bekerja di Muzium Diraja Kelantan dan bertanggungjawab dalam pengurusan muzium.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Informan yang yang telah di temubual oleh penyelidik adalah Encik Sabki bin Ibrahim (Rajah 3.6). Beliau merupakan Ketua Pembantu Muzium di Muzium Negeri Kelantan dan merangkap penyelia kepada Muzium Diraja Kelantan. Beliau berumur 51 tahun dan berasal dari Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan. Temubual berkenaan adalah melalui atas talian iaitu menggunakan aplikasi whatsapp disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada masa kini. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pengurusan koleksi yang dijalankan di Muzium Diraja Kelantan. Melalui temubual tersebut penyelidik dapat memperolehi maklumat yang berkaitan dengan pengurusan penjagaan koleksi bagi pameran di Muzium Diraja Kelantan.



Rajah 3.6: Encik Sabki

Sumber: Laman Rasmi Perbadanan Negeri Kelantan (2021). Dicapai pada 1  
ogos 2021 pada jam 1400 daripada:

(<https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/profail/perananmuzium/direktori-pegawai>

Informan kedua yang telah ditemubual oleh penyelidik ialah Encik Khairul bin Ahmad atau lebih mesra dipanggil abang rul. Temubual telah dijalankan secara fizikal di Muzium Diraja Kelantan pada jam 1100 pagi pada hari selasa bertarikh 12 Oktober 2021 (Rajah 3.7). Beliau berumur 45 tahun dan merupakan Pembantu Muzium Diraja Kelantan. Taraf pendidikan beliau adalah tamat pengajian peringkat Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM). Beliau telah berkhidmat di muzium tersebut lebih kurang 10 tahun. Melalui temubual tersebut penyelidik dapat memperolehi maklumat yang berkaitan dengan pengurusan penjagaan koleksi bagi pameran dan tentang kerosakan yang berlaku pada koleksi di Muzium Diraja Kelantan.



Rajah 3.7: Encik Khairul dan penyelidik

Sumber: Temubual di kawasan lapangan Muzium Diraja Kelantan.

Bertarikh 12 Oktober 2021.

Informan yang ketiga yang telah di temubual adalah Muhammad Hasrul Bin Mohd Rafi (Rajah 3.8). Beliau merupakan pembantu awam gred H11. Taraf pendidikan beliau adalah pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Beliau merupakan orang 38 yang bertanggungjawab untuk menjaga dan memantau setiap koleksi yang terdapat di Muzium Istana Batu. Beliau juga merupakan penyambut tetamu yang datang melawat muzium. Temubual ini telah dijalankan di Muzium Istana Batu pada hari Ahad bersamaan 23 Januari 2022 pada pukul 11 pagi.



Rajah 3.8: Muhammad Hasrul Bin Mohd Rafi

Sumber: Laman Rasmi Perbadanan Negeri Kelantan (2021). Dicapai pada 26

Januari 2022 pada jam 1400 daripada:

[https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-diraja-  
istana-batu](https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-diraja-istana-batu)

Informan terakhir yang disoal selidik adalah salah seorang tenaga pengajar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau adalah Puan Farrah Atikah binti Saari (Rajah 3.9). Temubual ini telah dijalankan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan pada hari Ahad bersamaan 05 Januari 2022 pada pukul 2 petang. Puan Farrah Atikah berasal dari Bachok Kelantan. Soal selidik ini dijalankan adalah untuk melengkapkan maklumat berkaitan dengan pengurusan koleksi yang dijalankan di Muzium Diraja Kelantan. Melalui soal selidik tersebut penyelidik dapat memperolehi maklumat yang berkaitan dengan pengurusan penjagaan serta kaedah yang sesuai dalam pemeliharaan koleksi bagi pameran di Muzium Diraja Kelantan.



Rajah 3.9: Puan Farrah Atikah binti Saari

Sumber: Soal Selidik Dijalankan di Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

### 3.7 Rumusan Bab

Bab ini penyelidik menerangkan kaedah-kaedah kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk mendapatkan data-data tentang kajian yang dijalankan dengan betul. Oleh itu, pelbagai kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data-data dengan menggunakan kaedah sumber primer dan sekunder dalam kajian ini. Dalam bab ini, penyelidik menggunakan kaedah utama iaitu kaedah kualitatif kerana kaedah ini sangat tepat untuk mendapatkan data-data yang betul supaya tidak akan berlaku kesalahan semasa dalam penulisan dapatan kajian dan akan menghasilkan kajian yang baik. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling sesuai dalam menjalankan kajian kerana kaedah ini sangat mudah dan tepat untuk mengumpul data-data mengenai pengurusan penjagaan koleksi bagi pameran di Muzium Istana Batu Kelantan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi oleh penyelidik melalui kaedah pemerhatian, temubual dan soal selidik. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Hal ini kerana penyelidik berpandangan bahawa kaedah kualitatif lebih efektif dan maklumat yang diperolehi juga lebih tepat. Di samping dapat berinteraksi secara dua hala antara penyelidik dengan informan secara langsung. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang lebih terperinci bagi mendapatkan sesuatu data atau maklumat. Kaedah ini merupakan kaedah yang berkesan bagi penyelidik kerana lebih menfokuskan kepada sesuatu dengan lebih mendalam dan terperinci. Selain itu, penyelidik akan menerangkan tentang data yang telah diperolehi semasa menjalakan kajian di kawasan lapangan iaitu di Muzium Diraja Kelantan yang terletak di Jalan Tengku Puteri, Kota Bharu, Kelantan.

#### 4.1 Dapatan Kajian

Pada peringkat awal, penyelidik menentukan jangka masa kajian. Kemudian merangka prosedur kajian dan instrumen kajian yang hendak digunakan. Pada peringkat pengumpulan data, penyelidik telah memilih merekodkan dan menterjemah dalam bentuk penulisan seperti soalan temu bual. Kemudian data dikumpulkan dan semakan data dilakukan. Pada peringkat akhir, data dianalisis, diterjemahkan kedalam bentuk yang mudah difahami dan kemudian dapatan kajian ditulis dengan lengkap dan sempurna. Penyelidik telah melakukan temubual dengan dua orang responden iaitu Encik Sabki bin Ibrahim selaku penyelia Muzium Diraja Kelantan dan Encik Khairul bin Ahmad selaku pegawai yang bertugas di Muzium Diraja Kelantan. Untuk menambahkan maklumat lagi, penyelidik menemu bual dengan beberapa pensyarah UMK seperti Puan Farrah selaku tenaga pengajar dalam bidang Konservasi Warisan. Kajian kualitatif ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual sebagai instrumen. Temu bual adalah satu kaedah kajian yang amat penting kerana ianya membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat kajian secara mendalam dan tepat. Temu bual yang dijalankan biasanya direkodkan dengan menggunakan alat rakaman suara supaya tidak ada maklumat yang akan tertinggal. Kaedah ini membantu penyelidik menyemak semula yang hasil temu bual sekali gus akan membantu meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan daripada hasil pemerhatian yang diperolehi. Dalam kajian ini, kaedah temu bual menjadi antara kaedah yang telah digunakan oleh penyelidik sebagai cara untuk mendapatkan data dan maklumat daripada informan. Temu bual yang telah dijalankan adalah berpandukan kepada soalan yang telah disediakan oleh penyelidik untuk diajukan kepada responden semasa

sesi temu bual, hal ini bagi membantu penyelidik mendapatkan maklumat yang diingini seterusnya maklumat tersebut akan dijadikan sebagai dapatan kajian.

#### **4.1.1 Objektif pertama – Mengenalpasti Prosedur Pengurusan Koleksi Pameran Di Muzium Diraja Kelantan.**

Bagi prosedur pengurusan penjagaan koleksi pameran di muzium ini amat dititikberatkan dalam kalangan staf yang terlibat dalam pengurusan di muzium ini. Hal ini demikian kerana, setiap koleksi yang dipamerkan di muzium ini merupakan milik Sultan Kelantan. Di muzium ini terdapat beberapa pengurusan yang strategik dalam menguruskan koleksi yang dipamerkan daripada mengalami kerosakan atau hilang dari tempat asal. Merurut Encik Sabki selaku penyelaras Muzium Diraja Kelantan beliau telah menggunakan empat fungsi pengurusan bagi menjaga koleksi yang dipamerkan di Muzium Diraja Kelantan.

Fungsi-fungsi asas pengurusan yang telah digunakan ialah yang pertama Perancangan (*Planning*), Pengorganisasian (*Organizing*), Kepimpinan (*Leading*), dan juga Kawalan (*Controlling*).

Perancangan merupakan proses yang pertama, kerana perancangan merujuk kepada arah organisasi pada masa akan datang dan bagaimana cara untuk mencapai matlamat. Perancangan ini mempunyai tiga tujuan iaitu menetapkan arah yang ingin dituju oleh setiap organisasi, mengenal pasti sumber yang diperlukan bagi mencapai matlamat dan membuat keputusan dalam aktiviti supaya matlamat tercapai. Oleh itu, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sebagai sebuah organisasi yang perlu bertanggungjawab dalam merancang

sesuatu dengan teliti bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan untuk pengurusan Muzium Diraja Kelantan. Hasil daripada temu bual yang telah dilakukan oleh penyelidik dengan responden perancangan yang dinyatakan adalah untuk mengekalkan dan melaksanakan pengurusan yang baik terhadap lebih kurang 1000 lebih koleksi yang dipamerkan. Namun perancangan yang lebih baik akan datang perlu dilaksanakan dari masa ke semasa.

Selain itu, bagi pengorganisasian menurut Sopiah, (2008) menyatakan bahawa dalam pergorganisasian mempunyai reka bentuk organisasi dan struktur organisasi yang sangat penting. Rekabentuk organisasi merupakan satu konsep yang mengurus struktur dan budaya bagi mengawal aktiviti bagi mencapai matlamat dalam organisasi. Oleh itu, struktur organisasi ini pula sistem yang mengawal bagaimana manusia untuk berkomunikasi dan bekerjasama diantara mereka dalam organisasi. Dalam pengorganisasian pihak muzium Diraja Kelantan telah menetapkan satu sistem yang perlu dipatuhi oleh semua penjaga muzium semasa untuk mengawal dan melihat koleksi yang dipamerkan dari masa ke semasa. Menurut Encik Sabki beliau telah menetapkan satu konsep yang mudah dan perlu diikuti oleh pegawai yang bertugas untuk melakukan kawalan terhadap koleksi yang dipamerkan di muzium dengan memberikan satu tugas yang berjadual bagi pegawai yang bertugas untuk memastikan koleksi berada dalam keadaan yang selamat dan teratur. Dengan ini, penerapan pengorganisaian ini dalam organisasi mereka dengan pembahagian tugas yang berasingan kepada beberapa bahagian yang telah ditetapkan oleh Muzium Diraja Kelantan ini sangat

penting dalam menerapkan sikap bertanggungjawab dalam diri pegawai yang bertugas.

Kepimpinan didalam sesebuah organisasi sangat penting kerana kuasa kepimpinan akan menggambarkan visi, kreativiti dan perubahan dalam sesebuah organisasi (Sopiah, (2008). Oleh itu kepimpinan ini merujuk kepada pengaruh untuk memotivaskan pekerja di dalam organisasi bagi mencapai matlamat dan gaya kepimpinan ini juga merujuk kepada cara seorang pemimpin dalam mempengaruhi pekerjanya. Oleh itu, terdapat tiga jenis gaya kepemimpinan seperti gaya autokratik, gaya demokratik dan gaya ‘laissez-faire’. Gaya kepimpinan yang digunakan oleh pihak Pembandaran Muzium Negeri Kelantan adalah berbeza kerana mengikut pemimpin di bahagian masing-masing.

Kawalan adalah fungsi keempat di dalam proses pengurusan. Menurut Aldridge dan Edith (2005) menyatakan bahawa kawalan merupakan proses pengukur kemajuan dalam prestasi dan memastikan ianya selari dan selaras dengan objektif pengurus. Oleh itu, kawalan adalah satu usaha sistematik yang berterusan dalam menetapkan piawai-piawai prestasi supaya selari dengan perancangan matlamat, rekabentuk sistem maklumbalas serta dapat mengukur keberkesanan pengawalan prestasi yang telah digunakan oleh pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Kawalan ini juga merupakan proses memantau aktiviti supaya perancangan yang dirancang berjalan dengan betul, apabila kawalan tidak longgar akan berlakunya masalah disiplin pekerja dan matlamat yang dirancang oleh sesebuah organisasi tidak akan tercapai.

#### **4.1.2 Objektif kedua – Mengenal Pasti Kerosakan Koleksi Pameran di Muzium Diraja Kelantan.**

Dalam mengenalpasti kerosakan terhadap koleksi yang dipamerkan di muzium diraja Kelantan menurut Encik Khairul punca kerosakan sering berlaku pada koleksi yang dipamerkan adalah disebabkan pencahayaan, kelembapan, akibat kecuaian manusia dan akibat haiwan atau serangan perosak. Namun penyebab utama yang membolehkan koleksi yang dipamerkan itu rosak adalah disebabkan oleh pencahayaan. Menurut Encik Khairul juga, sepatutnya pameran yang dibuat perlu ada tahap pencahayaan yang telah ditetapkan ke atas sesuatu jenis koleksi tetapi di Muzium diraja kelantan atau muzium istana batu, pameran yang dibuat tidak mengikut gred pencahayaan yang diperlukan ke atas sesuatu koleksi dengan betul. Hal ini menyebabkan sesuatu koleksi itu mudah terdedah kepada kerosakan. Selain itu, suhu juga memainkan peranan terhadap sesuatu koleksi. Suhu yang digunakan juga tidak mengikut kehendak sesuatu koleksi dengan betul antara koleksi yang dipamerkan di muzium diraja Kelantan yang banyak berlaku kerosakan adalah terdiri daripada koleksi tembaga, perak, keca dan juga besi.

##### **4.1.2.1 Faktor kerosakan Tindakkan semula jadi**

Bagi kerosakan akibat daripada alam semula jadi yang pertama adalah berkaitan dengan suhu. Suhu memberi kesan pada koleksi mengakibatkan proses pengeringan. Ini mengurangkan kekuatan, tegangan, keanjalan dan saiz. Berdasarkan pemerhatian serta hasil analisis temu bual yang dijalankan kepada responden. Kesan kerosakan yang dapat dilihat

keatas koleksi akibat suhu adalah pengkaratan pada koleksi logam ini disebabkan kotak pameran yang ada di istana batu ini tidak mempunyai alat kawalan suhu dan koleksi didedahkan secara terus dengan suhu bilik. Kerosakan koleksi yang paling ketara di Muzium Diraja Kelantan yang dapat diperhatikan oleh penyelidik adalah berlakunya pengaratan pada koleksi yang dipamerkan di dalam almari. Hal ini berpunca daripada koleksi tersebut dibiarkan terlalu lama dan tidak diselenggarakan dengan baik. Faktor persekitaran juga memainkan peranan terhadap pengaratan yang berlaku kepada koleksi kerana kehadiran air dan udara yang memberikan kelembaban pada koleksi logam atau besi yang menyebabkan tindak balas berlaku ke atas koleksi tersebut. Sekiranya koleksi tersebut dibiarkan berkarat terlalu lama ia boleh menyebabkan koleksi tersebut mengalami kerosakan yang semakin buruk seperti patah dan mereput. Oleh hal yang demikian, keaslian yang terdapat pada koleksi tersebut akan hilang.

Tindakkan alam semula jadi yang dikesan dalam kajian ini selain suhu adalah kelembapan yang terlalu tinggi dan rendah serta koleksi didedahkan secara terus kepada cahaya matahari. Kesemua punca ini akan memberikan kesan mekanikal yang menyebabkan perubahan pada sifat dan penampilan fizikal koleksi yang dipamerkan di Muzium Diraja Kelantan. Kelembapan yang terlalu tinggi menggalakkan proses pengaratan pada koleksi tembaga dan pertumbuhan kulapuk pada koleksi organik. berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di kawasan lapangan iaitu di Muzium Negeri Kelantan. Koleksi yang terdedah dengan kelembapan

seperti bahan organik yang terletak pada kawasan bilik cenderamati milik Sultan Kelantan seperti tudung saji dan gendang (rajah 4.1) dan koleksi yang merupakan bahan bukan organik terdiri daripada tembaga dan besi (rajah 4.2).



Rajah 4.1: Kerosakan Akibat Pertumbuhan Kulapuk

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium Istana Batu, Kota Bharu.



Rajah 4.2: Pengaratan Pada Koleksi

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium Istana Batu, Kota Bharu.

Seterusnya, pendedahan kepada cahaya matahari akan mempercepatkan proses kemerosotan koleksi seperti gambar, tekstil, perabot dan lain-lain. Berdasarkan temubual penyelidik dengan encik Khairul beliau menyatakan bahawa koleksi yang paling banyak menerima cahaya matahari adalah koleksi yang berada berhampiran dengan tingkap. Seperti contoh koleksi yang dipamerkan di bilik tidur anakanda sultan Kelantan. Koleksi yang mengalami kerosakkan ini adalah cadar katil (rajab 4.3) perubahan warna ini berlaku kerana molekul yang berada didalam koleksi bertindak balas dengan tenaga yang dibawa oleh cahaya menyebabkan perubahan kimia pada koleksi. Kerosakan akibat daripada agen cahaya yang tidak boleh diperbaiki koleksi yang terdapat di muzium istana batu Kelantan ini kerana menyebabkan keputaran, gelap dan rapuh.




Rajah 4.3: Warna Koleksi Pudar

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium

Istana Batu, Kota Bharu.

#### 4.1.2.2 Faktor Kerosakan Kecuaian Manusia

Koleksi yang dipamerkan mengalami kerosakan mungkin berpunca daripada aktiviti manusia yang melakukan proses memindahkan koleksi dari tempat asal ke tempat yang lain. Rekahan ini hasil daripada proses pembalikan struktur koleksi yang telah rosak. Seperti contoh koleksi tembikar yang dipamerkan di muzium (rajah 4.4). Daripada pemerhatian penyelidik kawasan pameran agak terhad dan juga sempit. hal ini demikian menyebabkan keselamatan terhadap koleksi yang dipamerkan kurang terjamin dan berisiko untuk mengalami kerosakan. Menurut Encik Hasrol kesan retak pada koleksi yang dipamerkan ini adalah hasil daripada membaikpulih koleksi kerana sebelum ini koleksi ini telah pecah akibat kecuaian pengunjung yang datang melawat di Muzium Diraja Kelantan ini.




Rajah 4.4: Kesan Retak Pada Koleksi

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium

Istana Batu, Kota Bharu.

Selain itu, kerosakan yang disebabkan tindakkan manusia adalah terdapat kesan tompokan air pada koleksi kain disebabkan kecuaian

manusia. Menurut encik Khairul pegawai yang menjaga koleksi ini pada asalnya telah meletakkan koleksi di kawasan berlakunya kebocoran air penghawa dingin. Oleh hal yang demikian, terdapat kesan tompokan air pada permukaan kain.




Rajah 4.5: kesan tompokan air

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium Istana Batu, Kota Bharu.

Terdapat kesan kerosakan seperti pecah atau sumbing pada koleksi kaca yang dipamerkan di muzium. Hal ini kerana tindakkan manusia (pengunjung) yang sengaja memegang koleksi. koleksi kaca yang dipamerkan di dalam muzium diraja ini adalah secara terbuka dan mudah untuk dicapai oleh pengunjung. Seperti contoh koleksi pameran yang dipamerkan di meja makan ia merupakan koleksi pinggan mangkuk untuk hidangan keluarga kerabat sultan Kelantan. Oleh kerana tema penceritaan muzium diraja Kelantan ini berkonsepkan kehidupan keluarga disebabkan itu koleksi yang dipamerkan adalah secara terbuka. Menurut Encik Khairul

kesan pecah pada koleksi pameran kaca di atas meja makan berpunca daripada pelanggaran koleks antara satu sama lain (rajah 4.6).



Rajah 4.6: Kesan Pecah atau Sumbing

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium Istana Batu, Kota Bharu.

#### 4.1.2.3 faktor kerosakan serangan haiwan dan serangga perosak

Faktor yang menyebabkan berlakunya kerosakan pada koleksi pameran bagi koleksi di muzium diraja Kelantan ini adalah serangan haiwan dan serangga perosak. Haiwan perosak ini akan menjadikan kawasan pameran sebagai tempat perlindungan kerana ruang pameran yang terbuka. Hal ini menyebabkan berlaku kerosakan apabila haiwan perosak ini meninggalkan kesan najis pada koleksi yang dipamerkan di muzium Istana Batu. Dalam pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik di sekitar kawasan kajian lapangan. Penyelidik mendapati kesan tinggalan najis haiwan seperti cicak pada koleksi pameran di luar bangunan (rajah 4.7).



Rajah 4.7: Najis Haiwan Pada Koleksi

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium Istana Batu, Kota Bharu.

Selain itu, serangan serangga perosak seperti labah-labah terdapat pada koleksi yang dipamerkan di ruangan bilik tidur. Hal ini kerana, keadaan bilik yang gelap dan sejuk menjadikan kawasan tersebut menjadi habitat serangga perosak serta tiada penyelenggaraan yang baik juga menyebabkan serangan serangga perosak ini (Rajah 4.8). Pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik dikawasan tersebut mendapati sarang labah-labah pada koleksi hantaran yang dipamerkan di ruangan bilik tidur anakanda Sultan Kelantan.



Rajah 4.8: Serangan Serangga Perosak

Sumber: olahan pengkaji, Pemerhatian di kawasan lapangan Muzium Istana Batu, Kota Bharu.

#### **4.1.3 Objektif ketiga – Menganalisis Kaedah yang Digunakan untuk Memelihara Koleksi Pameran di Muzium Diraja Kelantan.**

Di dalam dapatan kajian ini, penyelidik akan membuat satu draf bagi hasil-hasil yang telah dipilih dan disusun oleh penyelidik semasa kajian dijalankan. Penyelidik akan menyusun dapatan ini mengikut kaedah yang telah digunakan di Muzium Diraja Kelantan iaitu perancangan, perorganisasian, kepimpinan, dan kawalan. Dapatan kajian ini diperoleh dari temu bual dan soal selidik bersama Encik Sabki, Encik Khairul dan Encik hasrul yang bertugas Muzium Diraja Negeri Kelantan. Selain itu, penyelidik juga telah membuat soal selidik dengan salah seorang pensyarah konservasi iaitu Puan Farrah Atikah binti Saari. Hasil daripada kaedah metodologi yang penyelidik gunakan iaitu melalui kaedah temubual, soal selidik dan pemerhatian. Penyelidik mendapati kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan ini

berkesan namun harus ditambahbaik lagi. Koleksi yang dipamerkan masih berada dalam keadaan baik namun perlu dipelihara. Pemeliharaan sesuatu koleksi atau artifak ini sangat penting untuk menjaga struktur dan dapat memanjangkan jangka hayat sesuatu koleksi. Kaedah yang diterapkan oleh Muzium Diraja Kelantan dalam pemeliharaan koleksi yang dipamerkan berpandukan empat kaedah iaitu perancangan, perorganisasian, kepimpinan, dan kawalan. Pengaplikasian keadah ini menunjukkan pemeliharaan koleksi di Muzium Diraja Kelantan berjaya dengan membuktikan keadaan koleksi yang baik dan terjaga. Selain itu, kerosakan pada koleksi ini juga minimum bagi koleksi yang dipamerkan ini menunjukkan perancangan yang bagus kerana pihak muzium telah mengetahui matlamat dan tujuan dalam setiap tindakkan yang diambil untuk melindungi dan menjaga koleksi. Namun, harus dititikberatkan juga faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kerosakan pada artifak atau koleksi. Oleh hal yang demikian, pengurusan dalam perorganisasian merupakan satu kepentingan dalam pemeliharaan koleksi.

Berdasarkan pemerhatian yang telah penyelidik jalankan di Muzium Diraja Kelantan terdapat sedikit masalah dalam pengurusan dalam penjagaan koleksi yang dipamerkan. Hal ini akan memberikan kesan kepada koleksi yang dipamerkan jika tiada tindakkan yang dilakukan oleh pihak pengurusan Muzium Diraja Kelantan sebagai contohnya tiada penyelenggaraan yang sistematik dalam pengurusan koleksi. Tindakan pencegahan perlu diambil supaya koleksi tidak mengalami kerosakan. Aktiviti ini melibatkan pemantauan terhadap keselamatan dan penjagaan koleksi yang dipamerkan haruslah diperaktikan dalam pengurusan

yang sistematik. Menurut Puan Farrah Atikah iaitu salah seorang pesyarah konservasi di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau menyatakan bahawa penyelenggaraan dan keselamatan koleksi perlu dititikberatkan dalam sesebuah organisasi muzium kerana penting untuk memastikan peralatan yang digunakan untuk memelihara koleksi di Muzium Diraja Kelantan dipantau dan diselenggara secara terancang. Selain itu, pihak pengurusan muzium juga perlu memastikan peralatan atau bahan yang digunakan untuk membersih rak penyimpanan tidak memudaratkan koleksi. Seterusnya, memastikan penyelenggaraan ke atas koleksi yang dipamerkan dijalankan sepanjang masa dan pemeriksaan berkala dijalankan. Kaedah ini mungkin boleh dilaksanakan dalam empat (4) kali setahun bagi memastikan koleksi yang dipamerkan di muzium diraja kelantan berada dalam keadaan selamat dan bersih. Akhir sekali setiap gerak kerja yang dilakukan oleh kakitangan muzium mestilah tercatat oleh itu penyediaan laporan pemeriksaan lawatan berjadual untuk tindakan penambahbaikan pemeliharaan koleksi yang dipamerkan di muzium perlu wujud dan dilaksanakan.

Menurut penyelia Muzium Diraja iaitu Encik Sabki dalam pengorganisasian pihak muzium Diraja Kelantan telah menetapkan satu sistem yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai muzium bagi mengawal dan menjaga koleksi yang dipamerkan dari masa ke semasa. Hal ini kerana, koleksi yang dipamerkan haruslah mempunyai sistem pengurusan penjagaan yang sistematik kerana untuk mengelakkan koleksi yang dipamerkan ini tidak terdedah kepada punca-punca kerosakkan. Menurut Encik Sabki juga pematuhan pegawai yang bertugas sangat memuaskan kerana mereka mempunyai sikap bertanggungjawab

di dalam diri. Selain itu, hasil daripada dapat penyelidik juga kawalan koleksi yang dipamerkan juga perlu diambil kira dalam pengurusan penjagaan koleksi yang berkesan. Hal ini demikian kerana pengurusan dalam pameran di muzium Diraja Kelantan ini perlu dipelihara kerana koleksi yang dipamerkan ini merupakan sebahagian daripada kisah kehidupan pemerintah iaitu Sultan Kelantan pada masa dahulu. Namun, menurut Puan Farrah Atikah pameran di sesebuah muzium hendaklah mempunyai penceritaan yang tersendiri. Ini demikian kerana disebabkan pameran yang mempunyai tema dan penyusunan yang baik akan memberikan kesan yang positif terhadap pengunjung yang datang ke muzium. Tidak dilupakan juga kawalan keselamatan koleksi yang dipamerkan perlu dipelihara agar tidak belakunya kerosakan pada koleksi atau artifak di Muzium Diraja Kelantan semasa dan selepas kehadiran pengunjung.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Hasil pemerhatian penyelidik keatas keselamatan koleksi yang dipamerkan. Pihak pengurusan hendaklah diambil berat kerana koleksi yang dipamerkan bersifat pameran terbuka (Rajah 4.9). Oleh itu, penyelidik memberi beberapa cadangan pemeliharaan bagi koleksi yang dipamerkan di Muzium Diraja Kelantan ini seperti:

- (a) Memastikan koleksi yang dipamerkan di kendali dengan cermat serta penggunaan teknik pameran yang bersesuaian
- (b) Memastikan bahan yang digunakan untuk mempamerkan koleksi seperti board, pita, kertas dan sebagainya menggunakan peralatan bermutu tinggi serta tidak merosakan mana- mana bahagian bangunan atau kawasan koleksi.
- (c) Memastikan keadaan persekitaran ruang pameran mempunyai pendingin hawa dan pengaliran udara yang bersesuaian.
- (d) Meminimumkan pendedahan bahan pameran kepada cahaya dan iluminasi (pantulan cahaya).

Terdapat beberapa langkah bagi mengawal keselamatan koleksi yang dapat dihuraikan oleh penyelidik dalam pemerhatian yang dilakukan di sekitar kawasan kajian lapangan iaitu:

- (a) Menyediakan sistem kawalan keselamatan koleksi perpustakaan daripada kehilangan atau kecuaian.
- (b) Perlu menyediakan alat pencegah kebakaran yang bersesuaian dan mencukupi di ruang penyimpanan atau di sekitar kawasan pameran yang terdiri daripada koleksi bahan organic dan bukan organic.



Rajah 4.9: Pameran Koleksi Terbuka Bahan Organik dan Bukan Organik

Sumber: kawasan kajian Muzium Diraja Kelantan

Di muzium istana batu terdapat beberapa koleksi yang dipamerkan daripada proses taksidermi. Antara koleksi pameran yang mengalami proses taksidermi ini adalah Burung Cendrawasih dan Burung Unta (Rajah 4.10). Oleh itu, penjagaan koleksi ini perlu sentiasa diperhatikan oleh pegawai yang bertugas. Menurut salah seorang kakitangan muzium yang bertugas di muzium diraja Kelantan ini iaitu Encik Hasrol. Beliau akan membuat pengawasan terhadap

koleksi yang dipamerkan ini. Hal ini kerana untuk memastikan keselamatan koleksi ini terjamin. Untuk kaedah pemeliharaan koleksi yang mengalami proses pengawetan ini. Pihak muzium diraja Kelantan akan mengikut beberapa langkah yang telah digariskan sebagai panduan untuk melakukan proses pemuliharaan. Antaranya,

- (a) Membuat pengawasan koleksi dari mengalami sebarang kerosakan.
- (b) Jika berlaku kemerosotan kepada koleksi pihak yang terlibat akan menggunakan teknik rawatan yang tidak menjaskan bentuk asal.
- (c) Menggunakan bahan bebas asid untuk pemuliharaan.

Selain itu, proses penyimpanan bagi koleksi yang dipamerkan juga perlu mengambil kira faktor persekitaran agar koleksi berada dalam keadaan yang baik serta bebas daripada punca kerosakan. Daripada hasil pemerhatian penyelidik hampir lapan puluh peratus (80%) koleksi yang dipamerkan di muzium diraja Kelantan terdedah secara terus kepada suhu persekitaran. hal ini akan menyebabkan koleksi yang dipamerkan akan mudah terjejas dan mengalami kemerosotan (Rajah 4.9). Menurut asal temubual bersama Puan Farrah Atikah pemeliharaan yang berkesan kepada koleksi yang dipamerkan hendaklah suhu dan kelembapan sesuai dengan jenis bahan yang dipamerkan. Pihak pengurusan muzium hendaklah mengetahui asas dalam meletakkan koleksi pameran sesuai dengan keadaan.



Rajah 4.10: Koleksi Pameran Taksidermi

Sumber: kawasan kajian Muzium Diraja Kelantan



Rajah 4.11: Koleksi Pameran Secara Terbuka

Sumber: kawasan kajian Muzium Diraja Kelantan

Seterusnya, kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan ini juga dengan menunjukkan kepimpinan yang berkesan. Hal ini merujuk kepada pengaruh untuk memotivasi pekerja dalam sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat dan gaya kepimpinan ini juga

merujuk kepada cara seorang pemimpin mempengaruhi pekerjaannya. Dengan kepimpinan yang berkesan mampu untuk mengarahkan para pegawai untuk melakukan kerja yang sesuai dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh komunikasi. Komunikasi antara dua pihak atau lebih untuk membincangkan masalah yang dihadapi di muzium boleh dilakukan secara bersemuka atau lisan antara dua belah pihak. Komunikasi secara media sosial pula iaitu melalui whatsapp, facebook dan email untuk memberi maklumat apabila berlaku kerosakan.

Cabaran dalam kawalan pengurusan pemeliharaan koleksi yang dipamerkan adalah tindakan yang diambil apabila berlaku kesilapan dalam mencapai matlamat organisasi. penyelidik mendapati bahawa kurang pendekatan terhadap tindakan yang diambil apabila berlaku kesilapan dalam menguruskan penjagaan bagi koleksi. Hal ini kerana kurangnya pengetahuan tentang cara atau kaedah untuk merawat sesuatu koleksi yang telah rosak dan bagaimanakah cara untuk petugas mengawal keadaan tersebut. Selain itu, tindakkan daripada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan juga perlu memainkan peranan dalam memantapkan sistem pengurusan penjagaan bagi koleksi di setiap muzium di kelantan dengan memperbanyak khusus-khusus bagi setiap pegawai muzium bagi menambahkan pengetahuan dalam mengawal kerosakan yang belaku pada artifak atau koleksi di muzium. Dengan ini, pemeliharaan terhadap koleksi yang dipamerkan akan terjaga.

Seterusnya kaedah pemeliharaan yang dilakukan terhadap koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan ini agak lemah kerana koleksi didedahkan secara terus dengan pencahayaan (rajah 4.7). Pendedahan kepada terlalu banyak cahaya akan mempercepatkan proses kemerosotan koleksi yang dipamerkan. Hal ini demikian kerana, mendedahkan koleksi yang dipamerkan terlampau lama. Koleksi yang dipamerkan perlu dilindungi dari sinaran cahaya yang berlebihan, terutama dari sinar matahari dan cahaya *fluorescent*, yang mengandung sinaran *ultraviolet* yang tinggi iaitu satu bentuk cahaya yang paling berbahaya kerana menyebabkan merosatan cat pada koleksi iaitu kereta (Rajah 4.7). Oleh itu, pihak pengurusan muzium perlu menitikberatkan piawaian pencahayaan yang sesuai untuk setiap koleksi yang dipamerkan. Menurut Encik Sabki pencahayaan yang sesuai dengan bahan organik adalah 50 lux atau kurang manakala untuk bahan koleksi yang bukan organic beliau menyatakan boleh kapasiti pencahayaan sehingga 300 lux.



Rajah 4.12: Koleksi yang Terdedah dengan Pencahayaan.

Sumber: kawasan kajian Muzium Diraja Kelantan.

Akhir sekali, dalam kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan adalah menggunakan peralatan kawalan persekitaran. Penggunaan alat ini digunakan mengawal aliran pengudaraan serta dapat mengurangkan faktor kerosakan pada koleksi yang dipamerkan. Dalam pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik di kawasan kajian ini. Penyelidik mendapati hanya peralatan seperti penghawa dingin sahaja yang digunakan untuk pengaliran udara di kawasan pameran koleksi dalam Muzium Diraja Kelantan (Rajah 4.8). Menurut Encik Sabki pihak pengurusan muzium diraja kelantan dalam proses penambahbaikan dalam usaha pemeliharaan koleksi yang ada di muzium diraja Kelantan ini. Encik Sabki juga menyatakan beliau akan menambahkan lagi beberapa alat yang dapat mengawal persekitaran seperti Air Purifier/Ionizer. Menurut Encik Sabki alat ini digunakan untuk memerangkap debu dan habuk, ia membantu membersihkan udara persekitaran pameran. Selain itu, suhu persekitaran umum bagi koleksi yang dipamerkan adalah antara 15’c hingga 25’c. hal ini kerana menurut Encik Sabki suhu sebegini tidak terlalu rendah dan tidak terlalu tinggi dan sesuai untuk suhu persekitaran pameran.



Rajah 4.13: Penghawa Dingin di Bilik Koleksi Cenderamata

Sumber: kawasan kajian Muzium Diraja Kelantan.

### 4.3 Rumusan Bab

Muzium Istana Batu Kelantan merupakan sebuah muzium yang menyimpan pelbagai jenis artifak berharga dan bernilai iaitu koleksi peribadi milik Sultan Kelantan. Koleksi yang terdapat di dalam muzium ini lebih kurang seribu koleksi yang dipamerkan. Koleksi yang dipamerkan di muzium ini merupakan harta milik sultan kelantan yang dipelihara hingga ke hari ini. Oleh hal yang demikian ia dinamakan sebagai Muzium Diraja Kelantan. Pameran koleksi yang dipamerkan di Muzium ini merupakan pameran yang kekal dan memerlukan penjagaan yang rapi agar koleksi berada dalam keadaan yang baik dan tersusun. Oleh sebab itu, pengurusan yang sistematik yang dijalankan terhadap sesuatu koleksi memainkan peranan penting demi menjaga dan mengekalkan keaslian sesuatu koleksi agar tidak hilang keasliannya disebabkan oleh kerosakan-kerosakan yang berlaku pada koleksi.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini secara keseluruhannya, membincangkan tentang rumusan dan cadangan kajian yang telah dijalankan. Oleh itu, penyelidik akan menerangkan secara terperinci lagi tentang rumusan dan cadangan kajian mengikut data dan maklumat yang telah diperoleh melalui pelbagai sumber. Penyelidik akan membuat rumusan ini berdasarkan maklumat yang diperoleh yang merangkumi penjelasan terhadap kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Disamping itu, cadangan yang akan dikemukakan oleh penyelidik hasil dari penyelidikan yang telah dilaksanakan mengikut kekurangan dan kelemahan bagi setiap pengurusan yang telah dijalankan oleh pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam pengurusan penjagan koleksi yang dipamerkan di Muzium Diraja Kelantan. Seterusnya, penyelidik juga akan memberi cadangan kepada penyelidik akan datang untuk membantu pihak pengurusan bagi koleksi di Muzium Diraja Kelantan, hal ini akan memberi peluang kepada penyelidik akan datang untuk menjalankan kajian dengan lebih mendalam lagi mengenai kajian ini.

## 5.1 Rumusan Keseluruhan Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan tiga objektif iaitu mengenalpasti prosedur pengurusan koleksi di Muzium Diraja Kelantan, mengenal pasti kerosakan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan Dan objektif terakhir penyelidik adalah menganalisis kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan. Walaupun berhadapan dengan pandemik Covid – 19 ini tidak menghalang penyelidik dalam mencapai objektif yang telah digarisakn. Objektif kajian tersebut telah dilaksanakan melalui hasil kajian seperti yang telah dinyatakan di bab empat.

Hasil kajian bagi objektif yang pertama, penyelidik telah mengenalpasti prosedur pengurusan koleksi di Muzium Diraja Kelantan. Bagi menjawab objektif ini penyelidik telah mengadakan temubual secara online dengan Encik Sabki. Hasil daripada temubual yang telah dilakukan oleh penyelidik negeri kelantan sememangnya mempunyai prosedur pengurusan koleksi di muzium yang telah ditetapkan oleh perbadanan muzium negeri Kelantan. Oleh hal yang demikian, setiap pegawai muzium yang telah dilantik perlu menjalankan prosedur yang telah digariskan untuk menguruskan koleksi atau artifak yang ada di muzium yang ada di negeri Kelantan.

Seterusnya, bagi objektif yang kedua penyelidik mengenal pasti kerosakan koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan. Untuk mencapai objektif ini penyelidik telah turun ke kawasan kajian untuk mendapatkan data tentang kerosakkan bagi koleksi pameran yang terdapat di Muzium Diraja Kelantan. Selain itu, pengkaji juga telah menemubual pegawai semasa yang bertugas di Muzium Di Raja Kelantan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang keadaan koleksi yang dipamerkan.

Menganalisis kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan merupakan objektif yang terakhir bagi penyelidikan yang dijalankan di muzium diraja kelantan oleh penyelidik. Bagi menjawab objektif ini penyelidik telah menganalisis kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di muzium ini berkesan atau tidak. Dalam pemerhatian yang dibuat kaedah yang digunakan oleh pihak muzium bagi memelihara koleksi yang dipamerkan kurang berkesan kerana tidak menitikberatkan proses pameran yang sesuai. Hal ini kerana, kurang kepakaran dalam menguruskan koleksi untuk pameran yang menyebabkan koleksi terdedah kepada faktor-faktor kerosakkan.

## **5.2 Cadangan Untuk Memperbaiki Pengurusan Penjagaan Koleksi yang Dipamerkan**

Bahagian cadangan ini merupakan bahagian untuk penyelidik mengemukakan cadangan kepada pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan kepada pengkaji akan datang. Oleh itu, dalam bahagian ini penyelidik akan mencadangkan idea-idea dan pendapat yang digunakan oleh pengkaji lain pada masa hadapan untuk memperbaiki dan membantu pihak pengurusan muzium. Disamping itu, cadangan yang dikemukakan ini berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan dan ketelitian terutama dalam pengurusan penjagaan koleksi di muzium kelantan. Antaranya cadangan yang dikemukakan ialah:

### **5.2.1 Mencadangkan Mengadakan Khusus Kepada Pegawai Muzium**

Penyelidik mencadangkan agar pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk melaksanakan lebih banyak khusus kepada pegawai muzium. Hal ini demikian khusu yang akan dihadiri pegawai muzium akan

meningkatkan kefahaman kepada pegawai muzium dengan pelaksanaan tugas di muzium. Selain itu khusus yang dijalankan mestilah merangkumi tugas yang perlu dilakukan oleh pegawai muzium pengkhususan kerja pegawai muzium juga perlu diambil kira. Sebagai contoh pegawai muzium yang bertugas di bahagian pengurusan penjagaan koleksi perlu mengetahui asas pameran yang betul dan kaedah penjagaan koleksi yang betul. Hal ini bukan sahaja dapat menambah baik pengurusan penjagaan di muzium malah dapat meningkatkan mutu dan kualiti pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan juga.

### **5.2.2 Mencadangkan Kepada Pengkaji akan Datang**

Cadangan seterusnya adalah melakukan kajian secara berfokus tentang peranan pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan terutama berkaitan pengurusan koleksi muzium negeri kelantan. Ini kerana peranan yang ditonjol oleh pihak terlibat kurang jelas kepada masyarakat khasnya. Contohnya, masyarakat tidak tahu Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan muzium. Oleh itu, ianya dapat memperlihatkan peranan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan secara khusus dan jelas. Selain itu, mengkaji tentang kaedah-kaedah pengurusan koleksi atau artifak di muzium negeri kelantan yang lebih sistematik. Keadaan ini kerana pihak terlibat kurang mengetahui secara langsung dan mendalam berkenaan pengurusan penjagaan koleksi terutama koleksi yang dipamerkan terdapat kes-kes yang tidak sepatutnya berlaku dalam pengurusan penjagaan koleksi itu sendiri, contohnya kes kurang disiplin dalam melakukan kerja dalam kalangan pegawai muzium. Oleh itu, pengkaji akan datang akan memikirkan

kaedah- kaedah yang baharu untuk dilaksanakan dalam pengurusan penjagaan koleksi supaya tiada ketirisan gerak kerja oleh jawatankuasa itu sendiri.

### **5.2.3 Mencadangkan Menyediakan Bilik Konservasi**

Cadangan penyelidik adalah pihak Muzium Diraja Kelantan haruslah menyediakan bilik konservasi khas agar kerja-kerja konservasi koleksi dapat dilakukan dengan lebih terperinci dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Hal ini adalah supaya kerja pemuliharaan dan pemeliharaan yang akan dilakukan untuk mencuci artifak yang terdapat di Muzium Diraja Kelantan dapat dilakukan mengikut masa yang sesuai dan garis panduan yang betul agar sesuatu artifak dapat dikenalkan keasliannya. Artifak juga perlu diselenggara oleh orang yang betul-betul mahir untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan artifak seperti Kurator Muzium. Dengan adanya, bilik konservasi disetiap muzium di Kelantan ini ia akan lebih menjamin keselamatan artifak untuk tindakkan proses konservasi jika belaku sebarang kerosakkan kepada artifak atau koleksi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 5.3 Penutup

Kesimpulannya, bab ini penyelidik menyimpulkan keseluruhan iaitu dari bab satu hingga bab lima berkenaan kajian yang telah dijalankan tentang pengurusan penjagaan koleksi pameran di muzium diraja Kelantan. Hal ini kerana, pengurusan sesuatu koleksi sangat penting dalam penjagaan bagi memastikan warisan yang ada ini tidak terus hilang dalam arus pemodenan. Dimana sistem pengurusan sesebuah muzium perlu ada untuk menguruskan atau mentadbir dengan lebih produktif dan sistematik. Muzium Diraja Kelantan merupakan bangunan warisan yang terpelihara di bawah jagaan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan merupakan istana milik Sultan Kelantan. Proses pemeliharaan warisan kelantan ini perlu diuruskan dengan lebih teliti dari perbahagai sudut agar struktur banguan serta koleksi yang ada di dalam bangun ini terjaga untuk jangka masa lama.

Melalui pengurusan koleksi ini, perkongsian ilmu tentang warisan budaya dapat disebarluaskan. Oleh sebab itu, semua pihak mestilah bekerjasama untuk meningkatkan pengurusan koleksi di Muzium Kelantan supaya lebih sistematik dan dapat memberikan maklumat yang secukupnya kepada semua lapisan masyarakat yang ingin mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan koleksi yang ada di Muzium tersebut. Hal ini juga dapat memberikan kesan kepada setiap koleksi yang diuruskan di muzium tersebut ke arah yang lebih baik dan tersusun. Koleksi juga dapat dikekalkan keasliannya apabila muzium melakukan pengurusan koleksi secara sistematik dan berkesan.

## RUJUKAN

### BUKU

Anne C.Cowden (1995), Collection Management.  
Hussin, A. A. (Ed.). (2014). Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia

(Penerbit USM). Penerbit USM.  
Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) (1974), Panduan Pengurusan Koleksi Yang Sistematik.  
Izan, D. A. (2002). Keberkesanan kerja pembersihan dan servis bangunan muzium.

### JURNAL ARTIKEL

Muhammad Ainuddin Mustafa (2015), Tesis Penerimaan Masyarakat Terhadap Institusi Muzium: Kajian Kes di Muzium Negeri.

Nur Ain Nazihah (2018), Tesis Pengurusan Koleksi Kain Limar di Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

Nurul Shakil Mohamad Khams (2014), Tesis Strategi Pengurusan Koleksi di Muzium Negeri Sembilan.

Timothy Ambrose (1993), Museum Basic.

Farhana suhaimi (2019). Tesis Konservasi Monumen: Pendokumentasian Kubu Kebal Di Jalan Tok Hakim, Kota Bharu, Kelantan.

Yuszaidy Mohd Yusoff (2013), Tesis Perlindungan harta Warisan: Keberkesanan Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan.

Zuraidah Hassan (2012), Tesis Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian di Jabatan Muzium

## BUKU, ONLINE

Laman Web Rasmi Jabatan Muzium Malaysia. Permuziuman. Dicapai pada februari 14, 2021 Daripada <http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman>

Laman Web Rasmi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Dicapai pada februari 14, 2021 Daripada <https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/profail/peranan-muzium/direktoripegawai>)

Muzium Diraja Istana Batu (The Royal Museum). Dicapai pada Disember 1, 2020 daripada <http://kelantan.attractionsinmalaysia.com/TheRoyalMuseum.php>

Istana Batu Royal Museum. dicapai pada Disember 1, 2020  
<https://dragonmaison.wordpress.com/tag/muzium-diraja-istana-batu/>

Koleksi Muzium Diraja. Dicapai pada Disember 1, 2020 daripada  
<https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-diraja-istana-batu>

Statistic pengunjung ke muzium di bawah JJM. Dicapai pada November 29, daripada

[https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-keseluruhan-pelawat-ke-muzium-di-bawah-jmm](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-keseluruhan-pelawat-ke-muzium-di-bawah-jmm)

Full Report – Museum And Gallery G7. Dicapai pada January 16, 2021 daripada  
[https://www.academia.edu/38565630/Full\\_Report\\_Museum\\_and\\_Gallery\\_G7\\_.pdf](https://www.academia.edu/38565630/Full_Report_Museum_and_Gallery_G7_.pdf)

## LAMPIRAN BORANG

### KEBENARAN PENYELIDIKAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Pengurus Muzium Diraja Kelantan  
Jalan Tengku Puteri  
Jalan Hospital Bandar  
15000 Kota Bharu  
Kelantan

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

*Faculty of Creative Technology and Heritage*

UMK.A02.600-4/74 JILID 2 (56)

30 SEPTEMBER 2021

RUJU KAMI (Our Ref.) :

TARIKH (Date) :

Tuan/Puan,

#### MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II (CFT 4134). Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Yusniati Asykin Binti Yusri	C18A0462	980123035622	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian..

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
 "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
 "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD**  
 Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

**SOALAN TEMU BUAL BERSAMA ENCIK SABKI DAN PEGAWAI MUZIUM****SENARAI SOALAN KEPADA INFORMAN**

Persoalan temu bual bagi ketiga-tiga objektif kajian :

- a) Mengenal pasti prosedur pengurusan koleksi di muzium
- b) Mengenal pasti kerosakan koleksi pameran di muzium
- c) menganalisis kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran.

**PERTANYAAN KEPADA EN SABKI IAITU PENYELIA MUZIUM DIRAJA KELANTAN.**

1. Terangkan sejarah secara ringkas muzium diraja kelantan.
2. Adakah muzium diraja kelantan mempunyai organisasi tersendiri?
3. . Bagaimakah pihak muzium menjaga kaedah pengurusan koleksi muzium?
4. Darimana pihak muzium mendapatkan sumber peruntukan dana bagi menjaga dan melestarikan koleksi yang dipamerkan?
5. Bagaimana pembahagian kerja untuk menjaga keadaan artifik / koleksi yang dipamerkan?
6. . Bagaimakah pihak muzium memastikan koleksi yang dipamerkan sentiasa dalam Keadaan selamat?
7. . Adakah banyak masalah berlaku terhadap penjagaan dan pengurusan koleksi?
8. . Bagaimakah cara masyarakat membuat aduan kepada pihak muzium apabila berlaku kerosakan pada koleksi?
9. . Apakah tujuan dan matlamat pihak perbadanan muzium kelantan terhadap Muzium diraja?
10. Apakah perancangan masa hadapan pihak muzium terhadap penjagaan koleksi yang dipamerkan sentiasa dalam keadaan baik ?

## SOALAN TEMUBUAL BERSAMA PENSYARAH

Persoalaan temu bual bagi ketiga-tiga objektif kajian :

- a) Mengenal pasti prosedur pengurusan koleksi di muzium
- b) Mengenal pasti kerosakan koleksi pameran di muzium
- c) menganalisis kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran.

Soalan temubual kepada pensyarah

1. Pada pendapat sir/ madam bagaimakah kaedah penyusunan artifik atau koleksi di dalam sebuah pameran di muzium.?
2. Pada pendapat sir/madam apakah cadangan yang berkesan dilakukan ke atas sesuatu artifik atau koleksi dalam pengurusan pameran di muzium?
3. Pada pendapat sir/madam bagaimakah pengurusan pameran artifik atau koleksi dijalankan secara berkesan?
4. Pada pendapat sir/madam siapakah individu yang seharusnya @ sebolehnya menguruskan sesuatu pameran artifik/koleksi di sesebuah muzium?
5. Pada pendapat sir/madam kenapa pengurusan pameran koleksi di muzium perlu dijalankan?

**CARTA GANTT SEPANJANG MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN DAN  
MENYEDIAKAN LAPORAN PENULISAN PELAKSANAAN DRAF METODOLOGI  
PENYELIDIKAN**

**(KONSERVASI KOLEKSI: KEBERKESANAN PENGURUSAN PENJAGAAN KOLEKSI  
BAGI PAMERAN DI MUZIUM DIRAJA KELANTAN)**

Carta Gant

(Sumber: Kajian Laporan, 2021)

TAHUN / SEM	Semester Februari 2021				Semester September 2021				Semester Februari 2022	
	Mac	April	May	Jun	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb
Bulan Aktiviti										
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)	■									
Draf Awal	■									
Bab 1: Pengenalan		■								
Bab 2: Kajian Terdahulu		■								
Bab 3: Metodologi Kajian		■								
Penyuntingan			■							
Pembentangan PP 1				■						
Pembetulan					■					
Penghantaran PP 1					■					
Draf Awal Bab 4 Dan Bab 5						■				
Kumpul Dan Analisis Data						■	■	■		
penulisan dan Semakan Laporan									■	
Pembentangan Laporan Akhir										■
Penyediaan Naskah Berjilid										■